



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2018

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 5 DISEMBER 2018 (RABU)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham Bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Datuk Abdul Rashid Bin Asari, P.S.D., S.M.S., J.P.
(Selat Kelang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah Binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Rozana Binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya Binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Mohd Shaid Bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin Bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Tuan Mohd Sany Bin Hamizan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman Bin Idham (Gombak Setia)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Edry Faizal Bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Borhan Bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Mazwan Bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus Bin Mohamed Supri (Taman Medan)

Y.B. Tuan Mohd Najwan Bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhurulrazi Bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Bakhtiar Bin Mohd Nor (Semenyih)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Shatiri Bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Puan Jamaliah Binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Harumaini Bin Haji Omar, D.P.N.
(Batang Kali)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Tuan Adhif Syan Bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi Bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey Bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Rizam Bin Ismail (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Mohd Imran Bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

**TIDAK HADIR
(Dengan maaf)**

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain Bin Othman
(Sabak)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar, DMSM., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin Bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA. (Sungai Burong)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena a/p Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Puan Teepah a/p Athimoolam
Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Jamil Hasib bin Abd Karim
Encik Nilam Mersa bin Mansur
Encik Mohammad Redzuan bin Adam

Pelapor Perbahasan

Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid
Encik Mohamad Izad Shafiq Bin Ahmad Mashudi

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat Pagi dan Salam Sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Keempat belas dan 5 Disember 2018 dimulakan dengan bacaan Doa.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Doa.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Salam Sejahtera, Selamat Pagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Meru tak hadir. Seterusnya Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker : Soalan Ijok no. 110.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD**

TAJUK : SAMPAH SISA PLASTIK

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sub-soalan telah ditolak.
- b) Bagaimanakah sampah-sampah ini boleh sampai dalam negeri dan pihak manakah yang memberi kelulusan untuk mengimport?
- c) Apakah kaedah yang dirancang untuk melupuskan plastik-plastik ini?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih kepada kawasan Yang Berhormat Ijok yang bertanya tentang sampah sisa plastik yang telah saya pun beri jawapan semasa pembahasan, penggulungan Jawatankuasa Belanjawan tapi saya akan ulang lagi di mana Tuan Speaker soalan ini saya jawab bersekali dengan No. 120 daripada ADUN Rawang dan soalan No. 149 daripada ADUN Hulu Klang boleh ye Tuan Speaker?

TUAN SPEAKER : Silakan, silakan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Seperti yang semua sedia maklum kebanyakan sisa plastik yang diimport dari luar negara adalah dari negara Eropah dan Australia melalui pelabuhan di negara ini. Pengilang yang memproses bahan plastik yang diimport dari

luar negara perlu mendapat lesen daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara iaitu (JPSPN) di bawah H.S. Code 3915.

Kerajaan Negeri telah membangkitkan kerisauan berkaitan isu ini kepada KPKT kerana isu ini kerana berpendirian bahawa sisa buang negara tidak sepatutnya diimport ke Malaysia terutama di Selangor. Untuk menjawab soalan c dan ketiga Kerajaan Negeri menyokong kerana Persekutuan dalam memperketatkan syarat bagi kelulusan lesen import sisa plastik dari luar negara. Tujuan sisa plastik diimport adalah untuk kitar semula untuk Kerajaan Negeri menyokong industri kitar semula ini tetapi import plastik mestilah dikawal dan mengutamakan sisa plastik tempatan. Selain itu bagi memulakan sebuah kilang plastik beroperasi pemohon perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar iaitu just berkaitan kesesuaian tapak dan peralatan pemprosesan yang digunakan. Selain wajib mengemukakan maklumat sumber sisa plastik yang dibeli, sekian.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker, di depan saya ada satu laporan daripada Green Peace menunjukkan masalah bahan sisa plastik di Selangor ini semakin acute. Seluruh Selangor telah di cemari oleh plastik, plastik menimbulkan masalah kesihatan dan juga alam sekitar. Jadi saya nak tanya kepada Kerajaan Negeri Selangor adakah kita ada kuasa political will untuk hentikan sisa plastik masuk ke Selangor. Kita saya tak kisahlah polisi Kerajaan Persekutuan tetapi di Selangor ini pun dah ada sistem sisa plastik. Mungkin factory-factory yang mengendalikan sisa plastik ini habiskan di Selangor. Yang lain kita haramkan atau batalkan jadi saya nak tanya adakah tadi EXCO kata kita akan dengan Kerajaan Selangor tetapi apa pendapat saya kita kena total ban import plastik itu Selangor, sekian.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Ijok, untuk makluman Yang Berhormat Ijok laporan yang disediakan oleh Green Peace ini merupakan lama, mereka ini bangkit selepas pada bulan Jun, Julai selepas itu pun mengadakan kesitaan dan kompaun dan sekarang semakin berkurangan under control, under control dan untuk maklumat Yang Berhormat yang kita tak ada kuasa untuk mengimport sisa pepejal plastik. Yang ini kuasa di bawah KPKT di bawah pusat dan Kastam juga di bawah pusat pelabuhan juga di bawah pusat. Kita tak ada kuasa itulah kita mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya kita kena kawal dan itu kita pun telah lakukan pada 23 Julai sampai 23 Oktober 3 bulan kita telah pun freezeekkan membekukan import sisa pepejal daripada luar negara. Inilah

lakukan selepas bulan 23 Oktober kita akan meletakkan lagi import ikut kesesuaian keadaan di mana sebelum itu memang ini masalah yang ditimbulkan pada Kerajaan lepas Menteri KPKT pada dulu bekas Pengerusi UMNO Negeri Selangor telah pun mengeluarkan AP ini kepada pengusaha-pengusaha import plastik. Sebab itulah AP ini tak ada kawalan langsung di salah gunakan. Ini berlarutan 2 tahun dan semasa kita ambil alih pusat kita diberitahu keadaan sangat teruk, di mana tak kawal terutama di Kuala Langat, di Klang sampai sekarang sampai ke Ijok dan sekarang sudah bawah kontrol. Kita dapat kontrol kerana kita ambil tindakan sewajarnya di mana PBT sendiri mengisitarkan kilang-kilang yang sedia ada dan juga kita mengeluarkan kompaun dan selepas itu tekanan terkawal dan kita mengharapkan di mana saya telah menerangkan kita kena fair, adil untuk kilang yang sedia ada. Mereka mengikut prosedur, ikut piawaian ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Mereka melaburkan berjuta-juta untuk menangani isu Alam Sekitar. Tak ada masalah ada kilang yang legal sah dia boleh jalankan bisnez ini dan dia ada hak untuk import plastik dari longgar. Kalau kita hentikan semua ini mereka akan mendapat kerugian. Itu sebagai government yang fair saya rasa kena adil untuk semua pihak dan kita setuju supaya sisa plastik ini kena kawal hanya untuk kilang yang legal baru kita boleh import. Illegal sorry kena stop, totally stop dan kita kena kawal mereka, so saya harap penjelasan ini cukup jelas. Kerajaan Negeri tak ada kuasa untuk mengimport sisa plastik dari luar negara dan kita meletakkan import kita pun kena ada levi yang lebih tinggi. Kita tak galakkan import sisa plastik ini. Pada masa yang sama kita mensyaratkan plastik yang bersih boleh masuk ke Malaysia. Plastik yang kotor yang low kualiti tidak boleh, itu syarat kenakan. Penjelasan saya jelas kepada Ijok kita Kerajaan Negeri kita akan fair kepada semua orang termasuk pelabur-pelabur kitar semula, sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker, saya tak nak pergi lah jauh ke laporan Green Peace ini sebab dia agak memalukan kepada kita, Negeri Selangor ini. Banyak yang disebutkan Teluk Panglima Garang, Teluk Panglima Garang ini Cuma saya rasa agak bertuahlah sebab saya bukan ADUN Teluk Panglima Garang, saya ADUN Sijangkang. Dalam jawapan Kerajaan Negeri dalam sidang yang lepas mengatakan bahawa Dasar Kerajaan Negeri hanya menerima plastik-plastik dalam negara. Jadi kalau tadi saya penjelasan kerana EXCO menyebutkan bahawa tidak ada kuasa kemasukan plastik-plastik ke Negeri Selangor dan kita perlu bertimbang rasa oleh operasi-operasi kilang plastik yang sudah ada. Jadi apakah dasar yang sebenarnya kalau kita rasa tetapkan bahawa kita hanya membenarkan plastik-plastik dalam negara tetapi kita masih perlu bertimbang rasa industri yang berlaku pada hari ini dan kemasukan plastik melalui AP makna kita tidak ada satu keputusan yang saya kira satu ketetapan pada Kerajaan Negeri apatah lagi

pertimbangan-pertimbangan kita kepada plastik-plastik yang bersih sahaja. Makna kalau daripada luar negara bersih kita pun boleh terima atau pun.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat terus kepada soalan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan saya, terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang, seperti mana saya jelaskan tadi pendirian kita, kita tidak mengalakkan dan kita telah pun beritahu perkara ini kepada pusat KPKT dan KPKT bersetuju, kita kena kawal, kita kena kawal hakkan satu tahun berapa tan sahaja yang boleh masuk dan terus ke industri factory okaylah itu, tak ada lagi ke factory haram, factory haram tak ada lagi. Itu pendirian kita untuk tahun akan datang kita kena saya setuju kita kena kurangkan tahun ke setahun. So kita harap dalam 3 hingga 5 tahun ini kita akan totally ban semua sisa plastik ini. So bagi mereka masa sedikit untuk kilang yang sah ini. So saya rasa kalau hanya untuk bergantung kepada sisa plastik Malaysia ini tak cukup untuk mereka untuk jalankan aktiviti mereka harian mereka. Terpaksa import sebab itulah saya memang setuju kita kena beransur-ansur haramkan sisa plastik ini.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker, masalah melupuskan plastik ini satu business. Tiap-tiap orang yang masuk melabur business ada rugi, ada untung tetapi ini satu pelaburan business yang tak sesuai untuk pada masa ini. Jadi saya hairan kenapa kita kena bertimbang rasa dan menjaga factory-factory di Selangor. Di Selangor ini pun sudah ada sisa plastik yang boleh kita mampu Ijok ingin menanya sama ada factory-factory yang lupuskan plastik ini mengikut standard yang ada sebab dulu mungkin mereka membina factory ini tetapi sekarang dengan keadaan sisa yang ada dan juga by products saya dapati membahaya untuk kesihatan menubuhkan kanser, Alam Sekitar karbon scam. Adakah Kerajaan Selangor memantau memastikan factory, kilang-kilang yang melupuskan sisa plastik mengikut syarat-syarat dunia, sekian.

TUAN SPEAKER : Kajang.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Ijok, sebenarnya saya terangkan factory-factory yang sedia ada ini yang legal ini mereka ikut prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar so tak ada masalah pencemaran persekitaran termasuk udara dan air. Mereka tapis udara dengan cara yang betul bersih dan mereka tak ada sewenang-wenangnyanya untuk dischargekan air ke sungai so mereka ikut ketetapan

piawaian dan so itulah mereka merupakan kilang yang legal. Kita hanya melakukan apa penyiasatan atau pun ambil tindakan terhadap kilang yang illegal, yang tak sah, yang haram. Itu yang telah pun mencemarkan udara. So, buka semua factory yang haram. Ada yang ikut semua piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar. Itu kita tak boleh ambil tindakan. Sebab itulah JAS dari semasa ke semasa untuk pantau keadaan mereka supaya ikut prosedur yang sedia ada. Tak ada timbul kata semua, semua factory ini, semua haram. Melakukan kerja-kerja pencemaran terhadap alam sekitar. Tidak. Mereka ikut prosedur. So, ini yang kita perlu tengok kembali. So, tak boleh kita totally ban. Seperti kita perlu bagi masa kepada mereka untuk teruskan operasi mereka. Sekian.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Saya nak tanya Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Tak ada. Soalan terus.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 111.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : PROGRAM AIR PERCUMA

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan kos perbelanjaan Kerajaan Negeri yang sebenar mengikut tahun sejak program air percuma dilaksanakan pada tahun 2008.
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mengkaji semula pelaksanaan program air percuma? Jika tidak, nyatakan sebabnya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Speaker dan Kuala Kubu. Saya rasa saya telah menjelaskan sedikit sebanyak semasa penggulungan-penggulungan yang lepas. Namun saya mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi menyebutkan angka-angka itu agar kita dapat dengan lebih jelas dan terang, terhadap beberapa pendekatan dan kebijakan yang kita ambil.

Pertama, daripada tahun 2008, atau lebih spesifik Jun 2008, sehinggalah sekarang, hingga Oktober 2018, sebanyak Satu Bilion Enam Ratus Tiga Puluh Lima Juta, Dua Ratus Sembilan Ribu, Sembilan Ratus Lima Puluh Tiga dan Tujuh Puluh Sembilan Sen (RM1,000,635,209,953.79), yang telah digunakan untuk perbelanjaan air percuma di Negeri Selangor dan sebagaimana yang saya sebutkan. Saya ingin sebutkan lagi, angkanya bertambah dengan cukup signifikan tiap-tiap tahun. Sebagai contoh, pada tahun 2008, kita berbelanja sekitar RM68 juta, tahun 2009, RM131 juta, kalau kita tengok tahun 2014, RM 167 juta, tahun 2016, RM179 juta, tahun 2017, RM183 juta. Kalau kita biarkan ia berterusan, angkanya akan mencecah lebih RM200 juta dan ia sekitar hampir 10% daripada keseluruhan belanjawan kita. Dan saya kira ia tidak sustainable untuk kita buat.

Dan soalan (b), saya kira saya dah jelaskan semalam kenapa kita jajarkan, kenapa kita aturkan kembali. Dan saya rasa masing-masing telah jelas terhadap apa yang kita telah laksanakan, dah hasrat Kerajaan Negeri 2019, paling tidak. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 112. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PROGRAM AIR PERCUMA

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah usaha bersepadu Kerajaan Negeri dalam usaha membasmi masalah denggi di Negeri Selangor?

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Taman Templer. Laporan Situasi Denggi di Negeri Selangor secara kumulatif sehingga 17 November 2018, telah merekodkan sebanyak 37,149 kes, berbanding 42,393 kes, bagi tempoh yang sama pada tahun 2017. Jumlah Kes Denggi bagi tahun 2018, menunjukkan pengurangan sebanyak 12% berbanding tahun 2017. Kes demam denggi di Negeri Selangor dipantau secara konsisten. Melalui dua mesyuarat tindakan denggi iaitu Mesyuarat Tindakan Denggi Negeri Selangor yang kita adakan setiap dua minggu. Bagi membincangkan dan

merangka langkah-langkah pelaksanaan program-program kawalan dan pencegahan denggi dan mesyuarat ini dihadiri oleh wakil jabatan di peringkat negeri.

Kedua, ialah Mesyuarat Tindakan Denggi Daerah yang dipengerusikan oleh pegawai daerah atau wakilnya. Diadakan setiap minggu bagi membincangkan permasalahan di lokaliti wabak, terutamanya hot-spot. Mesyuarat ini akan memutuskan tindakan serta-merta di peringkat daerah bagi permasalahan denggi. Mesyuarat ini dihadiri wakil jabatan di peringkat daerah termasuk Ahli Dewan Negeri, Ahli Majlis dan pihak terlibat langsung dengan isu dibincangkan. Dalam masa yang sama, perbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri termasuklah pelantikan Ahli Majlis. Berbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini termasuklah pelantikan semua ahli pihak berkuasa tempatan, menjadi pengerusi denggi mengikut zon. Dengan peruntukan khas yang telah disalurkan kepada setiap ahli majlis bagi membantu mengurangkan penularan kawasan wabak di kawasan masing-masing. Setiap ahli majlis perlu mewujudkan pasukan denggi di sesuatu lokaliti hot-spot seperti combi. Bagi menanamkan rasa kebertanggungjawaban mencegah denggi perlu dilakukan bersama-sama.

Kedua, ialah pelaksanaan Ops Bersepadu denggi di peringkat daerah di mana PBT lain dimobilisasikan ke daerah yang mencatat bilangan kes yang tinggi pada sesuatu masa. Ketiga, ialah pelantikan Pest Control Operator melalui PBT, bagi membantu mengawal kawasan penularan wabak denggi. Terutama semasa kes berada di tahap yang tinggi dan setiap PBT juga diminta mengadakan taklimat kepada kontraktor pembersihan, terutama kontraktor di bawah lantikan PBT bagi memastikan kerja-kerja pembersihan meliputi penghapusan tempat pembiakan aedes. Seterusnya program nyamuk wolbachia oleh Institute of Medical Research (IMR), telah dilaksanakan bermula Mac dan Mei 2017 di AU2, Taman Keramat dan Blok D, Seksyen 7, Shah Alam. Program ini diluaskan kepada lokaliti hotspot yang lain di daerah Petaling iaitu Seksyen 7, Pusat Komersil, Shah Alam dan Mentari Court, Petaling Jaya. Pelaksanaan pendekatan ekosistem kawalan dan pencegahan denggi juga dilaksanakan di beberapa daerah yang mencatat kes demam denggi yang tinggi. Menggalakkan penglibatan semua rumah ibadat Islam dan selain Islam untuk mengadakan gotong-royong di kawasan masing-masing, bagi menjaga dan memastikan premis adalah bebas aedes. Tapi bagi saya yang paling berkesan kalau kita nak melihat denggi dapat kita cegah bukan kawal, cegah, adalah dengan menanam sikap kebersihan kepada rakyat kita, rakyat Negeri Selangor dan semua perlu tahu bahawa 70% daripada tempat pembiakan denggi adalah di dalam rumah. Terima kasih Yang Berhormat.

TUAN SPEAKER : Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya tertarik tadi dengan jawapan daripada EXCO, yang menyatakan peranan rumah-rumah ibadat ataupun masjid. Kita nak minta pihak Jabatan Agama Islam Selangor, kalau boleh, kita tahulah, dan pada saya Selangor masih kekal lagi sebagai negara yang ataupun negeri menjuarai denggi, nombor satu ini. Maksudnya kalau boleh kita nak mintalah khutbah-khutbah, hari Jumaat ini. Maksudnya kena bagi penegasan, soal berkaitan dengan denggi. Sebab denggi ini satu wabak yang sangat bahaya.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat Templer. Saya tidaklah merasa bahawa kita perlu defensif tentang tingginya, paling tertinggi di negara kita ini adalah Negeri Selangor. Memandangkan negeri kita yang paling padat dengan 6 juta lebih penduduk. Jadi tentu dengan sendirinya, semua benda yang negatif itu adalah, penyakit-penyakit ini adalah di Negeri Selangor. Ya.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Nak bertanya kepada Seri Serdang, antara punca masalah denggi ini berpunca dari premis-premis haram. Adakah pihak Jabatan Kesihatan sendiri melaksanakan operasi di premis-premis haram, macam kilang-kilang haram dan sebagainya.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih, soalan yang baik Yang Berhormat Meru. Sebenarnya untuk premis-premis haram ini, maksudnya di sini adalah premis-premis yang di dalamnya ada pembiakan nyamuk aedes. Dan.. adalah kepunyaan hak milik, adalah hak milik seseorang ataupun organisasi. Jadi kita mengambil tindakan yang tegas jikalau premis misalnya, tanah-tanah kepunyaan mana-mana pihak termasuk agensi Kerajaan sekalipun, sekiranya dia tidak menjaga kebersihan premis dia, tanah dia, maka sekarang ini, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor bersama dengan PBT akan mengambil tindakan yang tegas kepada semua premis. Termasuk rumah. Cuma masalah kita, bila rumah-rumah ini ditinggalkan. Seperti banyak yang berlaku di pangsapuri-pangsapuri, kos-kos, flat kos rendah ini. Bila penghuninya tidak ada, dan pemiliknya susah dikesan, rumahnya dikunci. Ada prosedur-prosedur tertentu yang perlu diikuti oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan juga PBT sebelum mereka boleh membuka rumah itu dan membuat proses, apa ni.. tindakan seterusnya untuk membasmi tempat pembiakan nyamuk aedes ini.

TUAN SPEAKER : Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan tambahan. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat EXCO berkenaan penyelidikan wolbachia mosquito. Di Sunway University yang terletak di DUN Subang Jaya, terdapat permulaan penyelidikan dan saya nak tanya sama ada Yang Berhormat EXCO sudi untuk menggabungkan kedua-dua penyelidikan ini untuk memastikan tiada pertindihan sumber dan usaha. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Subang Jaya. Sebenarnya penyelidikan ini dilakukan oleh Institute Medical Research (IMR). Dan memang tempat-tempat yang saya maklumkan, itu sahajalah yang mereka lakukan. Dan sekiranya pihak, sepatutnya apabila pihak Universiti Sunway melakukan research atau penyelidikan ini, setahu saya sepatutnya Jabatan Kesihatan Negeri Selangor perlu dimaklumkan kerana ini adalah bidang kuasa mereka. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan tambahan, pada YB EXCO, saya ingin mengetahui apakah, adakah kita telah dapat melihat hasil keberkesanan pelepasan nyamuk wolbachia yang telah pun kita laksanakan pada dua tahun yang lepas.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Sementa. Kita belum dapat lagi keputusannya. Kerana masalahnya di tempat-tempat ini, nak mengawal tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes itu sukar. Jadi ada percampuran di antara wolbachia dan nyamuk aedes yang liar ini. Jadi kami sebenarnya masih menunggu lagi jawapan. Keberkesanannya sepatutnya berakhir akhir tahun ini, Yang Berhormat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Bernam. Tidak hadir. Saya, sebelum untuk soalan seterusnya, saya ingin beritahu Ahli-ahli Yang Berhormat, Hulu Bernam dah banyak hari tak datang. Dan sepatutnya dalam Peraturan Tetap 79, mana-mana ahli yang tidak hadir ke dalam mesyuarat harus memberitahu Setiausaha Dewan. Dalam Peraturan Tetap 79. Tetapi Sungai Burung, Hulu Bernam tidak memaklumkan kepada Setiausaha Dewan. Saya pun tidak tahu. Jadi tidak hadir. Jadi mintalah ahli-ahli kalau yang tidak hadir, ada masalah dan sebagainya, beritahu Setiausaha Dewan, ya. Maklumkan, seterusnya saya persilakan, Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan Pelabuhan Klang, nombor 114.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : KILANG-KILANG HARAM

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menangani isu kilang-kilang haram di Negeri ini?
- b) Adakah Kerajaan Negeri dapat memberikan statistik pemutihan kilang-kilang haram yang telah berjaya diputihkan dan yang masih belum diputihkan mengikut pecahan kawasan DUN?

Y.B TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Pelabuhan Klang. Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Pemutihan Kilang Haram (PPKTK) di Negeri Selangor bermula Julai 2006 sehingga 31 Disember 2015. Dalam tempoh tersebut, pelbagai insentif dan kelonggaran dalam aspek teknikal dari pihak Pihak Berkuasa Tempatan(PBT) dan Agensi Jabatan Teknikal telah diberikan kepada pemilik berdaftar tanah (pengusaha kilang).

Insentif yang diberikan antaranya adalah pengurangan bayaran premium tambahan dan premium sebanyak 50% jika dibayar dalam tempoh tiga (3) Bulan, pengurangan 30% jika dibayar dalam tempoh enam (6) bulan dan pengurangan 10% jika dibayar dalam tempoh sembilan (9) bulan. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelesaian Kilang Haram Negeri Selangor yang telah diadakan pada 23 Julai 2018 telah memutuskan untuk meneruskan Program Pemutihan Kilang Haram. Namun begitu, Program baharu yang ini dijenamakan semula sebagai Program Smart Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) 2.0. Program baru ini akan dimuktamadkan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dalam masa yang terdekat.

Walau bagaimanapun, terdapat pemilik berdaftar tanah (pengusaha kilang) yang tidak tersenarai dalam PPKTK. Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah undang-undang yang masih berkuat kuasa.

Bagi soalan (b) daripada Pelabuhan Klang, adakah Kerajaan Negeri dapat memberikan statistik pemutihan kilang-kilang haram yang telah berjaya diputihkan dan yang masih belum diputihkan mengikut pecahan kawasan DUN? Jawapan ya. Kerajaan Negeri mempunyai statistik tersebut tetapi ia oleh kerana melibatkan angka, statistik banyak

angka jawapan bertulis akan diserahkan kepada Yang Berhormat Pelabuhan Klang. Secara ringkas permohonan adalah sebanyak 1346, lulus 1223, tolak 60, batal 97 dan belum memohon 1177. Dan Yang Berhormat juga bertanya mengikut DUN, saya memberi maklumat di Pelabuhan Klang ok. Di DUN Pelabuhan Klang jumlah yang telah diputihkan adalah sebanyak 59 dan jumlah yang belum diputihkan adalah sebanyak 78. Terima kasih.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI: Soalan tambah.

TUAN SPEAKER: Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI: Terima kasih Yang Berhormat EXCO menjelaskan tentang Kerajaan Negeri dalam menangani isu-isu kilang-kilang haram di negeri Selangor. Saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih atas usaha yang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Soalan saya, kenapa saya tanyakan soalan ini di dalam dewan ini adalah kerana antara penyumbang masalah infrastruktur ataupun pemasalah kerosakan jalan-jalan di dalam kawasan-kawasan yang didirikan berpunca daripada kilang-kilang ini. Jadi adakah kilang-kilang haram ini membayar apa-apa cukai kepada pihak Kerajaan Negeri dan kedua, sekiranya kilang-kilang ini tidak membayar apa-apa pun sebarang cukai kepada Kerajaan Negeri. Bolehkah sementara menunggu pemutihan kilang-kilang ini kita boleh membuat satu tabung atau yang dipanggil Tabung Sumbangan Infrastruktur bagi membantu meringankan kos pihak Jabatan Kerja Raya dan pihak PBT dan membaiki jalan-jalan yang dirosakkan oleh lori-lori yang menggunakan jalan untuk menghantar barangan atau mengeluarkan barangan daripada kilang-kilang haram ini?

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Sebenarnya tujuan utama untuk mengadakan program pemutihan kilang adakah untuk mengutip cukai untuk menambah hasil bagi kerajaan. Cukai boleh dibahagikan cukai pintu atau pun cukai tanah dan lesen perniagaan ya. Tetapi kalau bagi kilang yang tidak dapat diputihkan biasanya mereka tidak akan diberi lesen dan biasanya mereka tidak membayar apa-apa sumbangan infrastruktur kepada agensi atau PBT. Kesukarannya adalah berbeza di setiap tempat. Saya bagi contoh, baru-baru ini ada sekumpulan pengusaha kilang yang datang berjumpa dengan saya. Di tempat itu mempunyai 17 lot tetapi kilang yang atas lot itu adalah sebanyak 480 buah kilang. Tiada tuan tanah, telah meninggal dunia, dan ada yang tidak dapat dihubungi, ada juga yang telah jual tetapi tiada dokumentasi yang sah. Jadi masalahnya ada berlainan. Kami akan memandang masalah itu kes-kes *basic* kerana semua tempat itu mempunyai masalah yang berlainan. Inilah cabaran utama untuk memutihkan kilang haram yang sedia ada di Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Ramal. Kampung Tunku. Minta maaf ya. Kampung Tunku.

Y.B. PUAN LIM YI WEI: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 115.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: PENGGANTIAN PAIP AIR LAMA DI SELANGOR

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembaikan paip air lama di Selangor?
- b) Apakah status pembaikan paip air lama di 84 "hotspot" terdahulu yang telah dikenal pasti?
- c) Bilakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula senarai "hotspot"?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM: Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kampung Tunku. Air Selangor telah menganugerahkan 20 pakej penggantian paip air lama. 84 kawasan melibatkan jajaran paip sepanjang 435.29 kilometer. 19 kawasan telah pun siap sepenuhnya manakala kerja-kerja penggantian di enam puluh lima (65) kawasan masih berjalan dan akan siap secara berperingkat. Ada pada saya senarai keseluruhan 84 kawasan yang berkaitan, jadi tentu tidak wajar untuk saya membaca kesemuanya. Saya rujuk kepada yang berkaitan di kawasan Yang Berhormat iaitu di Petaling. Di Seksyen 17, Petaling - 13 kilometer projek dalam pembinaan Kampung Kayu Ara 3.75 projek telah siap sepenuhnya. Di Seksyen 5, Bukit Gasing 11.14 projek telah siap sepenuhnya. Di Kampung Baru Subang 8.28 kilometer projek telah siap sepenuhnya. Sedikit lagi. Di Kampung Baru Subang 8.4 dalam pembinaan, Kampung Melayu Subang 9.4 kilometer dalam pembinaan, Taman Wawasan 5.08 kilometer dalam pembinaan, Taman Bukit Kuchai 1.83 kilometer dalam pembinaan, Kampung Desa Aman 2.4 kilometer dan Taman Sri Serdang 2.5 kilometer. Selain daripada itu ada lagi, Kampung Merbau Sempak, Kampung Kubu Gajah 11 dan 18 kilometer akhirnya Kota Damansara, Seksyen 5 dan Kampung Paya Jaras 6.9 kilometer. Ini keseluruhannya di daerah Petaling. Senarai *hotspot* akan dikaji dari masa ke semasa dan telah saya sebutkan dalam ucapan penggulungan bahawa kaedah yang digunakan adalah berdasarkan kekerapan aduan yang dibuat. Dan itu, sebab itu *hotspot* akan dikaji dari masa ke semasa mengikut aduan ini kita akan beri air Selangor memberikan tumpuan kepada tempat-tempat berada di dalam senarai *hotspot* ini. Sekian.

TUAN SPEAKER: Sungai Ramal.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya bernombor 116.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK: PERPUSTAKAAN AWAM

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menaiktaraf kelengkapan dan kemudahan yang terdapat di Perpustakaan Awam Negeri Selangor bertempat di Tasik Cempaka, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi agar sepadan dengan status Bangi sebagai sebuah bandar ilmu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Speaker dan Sungai Ramai yang bertanyakan soalan khusus berkenaan Perpustakaan Awam. Khususnya di Taman Tasik Cempaka, Seksyen 9 Bandar Baru Bangi. Ahli Yang Berhormat sekalian dalam Rancangan Malaysia Ke-11 Perpustakaan Daerah Hulu Langat yang terletak di Seksyen 9 Taman Cempaka, Bandar Baru Bangi telah dimasukkan dalam senarai untuk menaik taraf dan peruntukkan digunakan pada tahun 2019. Untuk makluman semua, semenjak daripada tahun 2010 sememangnya Kerajaan Negeri menggilirkan ke daerah-daerah untuk menaik taraf. Menaik taraf ini konsep *pre-frending* Perpustakaan Awam Negeri Selangor ataupun Perpustakaan Negeri Selangor supaya pendingin udara, wifi percuma, bilik multimedia, bilik kanak-kanak, bilik perbincangan, surau dan tandas yang bersih dapat diwujudkan di perpustakaan-perpustakaan di daerah-daerah di negeri Selangor bersesuaian dengan *tag line* perpustakaan, "Perpustakaan Awam Selangor merupakan Rumah Keduaku" "*PPAS Is My second home*". Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Ramal.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan jawapan itu. Sekarang ini di Bandar Baru Bangi khusus memang ada penyertaan tinggi untuk penggunaan perpustakaan. Bolehkah dalam keadaan suasana kondusif sekarang ini pihak Kerajaan Negeri bekerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi yang ada begitu banyak sekali di sekeliling Sungai Ramal Dalam, di kawasan Sungai Ramal ini untuk menyenangkan perpustakaan mereka yang lengkap itu untuk digunakan dengan mudah untuk orang awam. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Saya rasa perkara ini boleh diterima pakai saya akan menyusulkan kepada Perpustakaan Awam Selangor dan ia sesuai

dengan gugusan pendidikan khususnya di kawasan Yang terhormat, kawasan UKM, UPM, UNITEN dan di kawasan sekitarnya yang memang agak padat dengan kawasan universiti. Dan di situlah yang saya maksudkan gugusan universiti yang bukan sahaja bermanfaat kepada pelajar universiti tetapi memberi kesan dan tampak yang baik daripada komuniti. Insya-Allah. Kita berbincangkan dan ini dimasukkan *content* gugusan pendidikan khususnya di kawasan Yang Berhormat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Yang Berhormat Tuan Speaker. Soalan bernombor 117.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK: TONG SAMPAH DI LUAR DAN DALAM KAWASAN SELIAAN PBT

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri Selangor akan memperluaskan penyediaan tong-tong sampah besi di kawasan-kawasan tertentu di luar kawasan seliaan Pihak Berkuasa Tempatan sebagaimana yang ada sekarang?
- b) Berapa jumlah kos yang digunakan untuk tujuan tersebut mengikut setiap kerajaan tempatan yang ada di Selangor?

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Speaker. Pelaksanaan penyediaan tong-tong sampah-sampah besi di kawasan-kawasan tertentu di luar kawasan seliaan PBT dilihat dapat mengurangkan isu sampah longgok yang dibuang di tepi-tepi jalan seperti di Jalan Kampung-kampung Tradisi, Kampung Bagan, *hotsport* sampah. Sehubungan dengan ini, penyediaan tong sampah tersebut adalah akan diperluaskan dan akan diletakkan secara berpusat di kawasan zon pengutipan sampah yang dilaksanakan oleh kontraktor kutipan Waste Management Sdn. Bhd. atau kontraktor lantikan PBT sendiri. Walau bagaimanapun, penyediaan tong sampah tersebut akan diperluaskan ke pelbagai peringkat dan bergantung kepada kemampuan peruntukan bajet kewangan PBT masing-masing. Jumlah kos yang dibelanjakan untuk menyediakan tong sampah besi oleh PBT adalah sebanyak RM 3 219 174.00. Sekian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sungai Air Tawar.

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL: Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan tambahan saya ialah berkenaan tong sampah ini. Adakah tong sampah mengambil kira kepadatan penduduk ataupun kawasan tumpuan penduduk serta adakah pihak

berkuasa Tempatan yakni PBT adalah mengazetkan kawasan berdekatan tong sampah ini secara kutipan, secara kutipan, secara berkala ataupun secara berjadual?

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Lokasi untuk meletakkan tong sampah tersebut adalah mengikut permintaan dan keperluan. Sekiranya Yang Berhormat Air Tawar ingin mencadangkan lokasi yang bermasalah sampah boleh beri cadangan kepada PBT.

TUAN SPEAKER: Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 118.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK: PERUMAHAN SELANGORKU

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kuota Rumah Selangorku yang disediakan kepada belia yang berumur 35 tahun ke bawah?
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberikan kuota kepada ADUN untuk membantu belia tempatan?
- c) Berapakah unit rumah Selangorku yang bakal dibina di DUN Jeram?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Yang Berhormat Jeram. Jeram beritahu sama ada belia mendapat kuota Rumah Selangorku. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri pada masa ini tidak menetapkan jumlah kuota yang khusus untuk golongan belia tetapi berdasarkan jumlah rekod penawaran yang berjaya ditawarkan Rumah Selangorku kepada belia dari berumur 35 tahun ke bawah seramai 38 380 orang pemohon. Iaitu 80% daripada jumlah keseluruhan pemohon/penawaran. Jadi maknanya kita tidak menetapkannya tetapi memang golongan belia yang memohon dan mendapatkan untuk ditawarkan Rumah Selangorku. Jadi buat masa ini Kerajaan Negeri, satu soalan sebenarnya saya telah jawab dah, minta kuota untuk ADUN. Kita tiada hasrat lah untuk melakukan tindakan tersebut. Sebenarnya pihak ADUN boleh mewartawarkan Rumah Selangorku yang ada di dalam pasaran untuk pengetahuan penduduk ataupun warga di kawasan. Jadi untuk menjawab soalan yang ketiga dalam, daripada Jeram, unit-unit Rumah Selangorku tidak mengikut DUN tetapi mengikut Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi saya nampak kalau Jeram ni berada Majlis Daerah Kuala Selangor. Jadi Rumah Selangorku yang

direkodkan di dalam, bawah MDKS adalah seperti berikut. Yang sudah siap dibina sebanyak 422 unit, yang masih dalam pembinaan dalam 2167 unit, dalam perancangan ada 6067 unit. Jadi jumlah keseluruhan adalah 8656 unit. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sijangkang

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya soalan 119.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK: KAJIAN TEBATAN BANJIR KAMPUNG BATU 9 KEBUN BARU/KAMPUNG SIJANGKANG.

119. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri setelah selesai kajian tersebut dilakukan disebabkan masalah banjir dan perpindahan masih kerap berlaku?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan menaik taraf parit, longkang dan jalan raya di kawasan kajian tersebut?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM: Yang Berhormat Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Berhormat Sijangkang di atas soalan berkaitan atas tebatan, program tebatan banjir Kampung Batu 9. Yang Berhormat permohonan telah dibuat oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran bagi peruntukkan projek berkenaan dan telah dianggarkan kosnya RM35 Juta telah pun dibuat permohonan kepada Kerajaan Persekutuan. Dan kita doakan semoga kelulusan segera dapat diberikan untuk kita laksanakan projek berkenaan. Kerajaan Negeri melalui JPS akan menaik taraf parit, longkang dan jalan yang terbabit di kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat mengikut keutamaan dan peruntukan semasa yang di perolehi untuk memberi impak yang maksimum bagi mengatasi banjir di kawasan ini. Dan untuk sementara, kita akan melihat keperluan kemungkinan untuk produktiviti ini atau tebatan banjir dapat dilaksanakan kemungkinan untuk pembinaan kolam takungan banjir jika ada keperluan ini akan dibuat kajian untuk jangka pendek. terima kasih.

TUAN SPEAKER: Si jangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Yang Berhormat EXCO, Banjir yang berlaku sebelum ini adalah pada tahun 2008 yang agak besar kemudian baru-baru ini juga berlaku banjir. Kekhawatiran saya apabila berlaku

pembangunan di kawasan lembayung dan sudah tentunya menyebabkan jumlah serapan air pernah berkurangan daripada kawasan lapang dan juga daripada longkang-longkang konkrit yang berlaku yang saya kira mungkin menjadi penyumbang berlaku banjir baru-baru ini pada bulan Oktober yang lalu. Saya kira satu keputusan daripada Kerajaan Negeri ataupun apakah pendapat Yang Berhormat kalau kita nak tunggu dengan jumlah peruntukan yang besar sekurang-kurangnya ada satu jangka pendek boleh dilakukan, terima kasih.

Y.B. TUAN IR. IZHAM B. HASHIM: Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat berhubung dengan masalah banjir yang kita hadapi di banyak tempat ini dan kita tidak nafikan dan saya sudah sebut berbanyak kali pembangunan ini kalau tidak diurus dengan baik terutamanya *pocket development* ini akan menyebabkan masalah kawalan banjir disebabkan pembangunan bila tidak diatur dengan baik. Kompenan kepada sistem tambatan banjir tidak dibuat dengan sempurna. Ini yang menjadi persoalan saya, jadi saya meminta JPS bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Tempatan kerana ini melibatkan juga rancangan kebenaran merancang yang dibuat oleh pihak-pihak pemaju ini perlu mengambil kira soal holistik bagaimana pembangunan atau pengawalan banjir di kawasan berkenaan. Kadang-kadang *developer* yang besar ini dia buat pembangunan ini secara *partly* dan jadi keperluan melihat secara keseluruhan sistem saliran itu menjadi masalah. Jadi ini kita lihat secara teliti selepas ini sebab apa pihak JPS juga berada dalam jawatankuasa teknikal dalam membuat ulasan-ulasan berhubung dengan pembangunan kawasan perparitan saliran di negeri ini. Ini adalah perkara yang besar yang perlu kita pikul dengan baik supaya untuk memastikan di masa hadapan pembangunan ini tidak membawa bersama masalah banjir. Ini yang menjadi perkara yang kita akan tekankan, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan 120 Rawang sudah dijawab oleh Yang Berhormat EXCO tadi dan Rawang pun tidak hadir. Seterusnya Subang Jaya.

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE: Terima kasih Tuan Speaker soalan saya nombor 121.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK: BAS SELANGOR

121. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah hala tuju Bas Selangor dalam gambar pengangkutan awam bagi Negeri Selangor memandangkan Kerajaan Selangor dan Kerajaan Pusat kini ditadbir oleh Pakatan Harapan?
- b) Apakah pelan pengangkutan awam bagi Negeri Selangor yang akan dilaksanakan dalam 5 tahun ini?

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Yang Berhormat Subang Jaya dan Tuan Speaker, bas-bas Selangor merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan ke saling perhubungan dalam pengangkutan awam di Negeri Selangor dan inisiatif ini turut disokong oleh Kerajaan Pusat ini dengan menjadi Negeri Selangor sebagai contoh yang perlu diikuti oleh Negeri lain untuk menyediakan perkhidmatan bas percuma. Oleh yang demikian perkhidmatan bas ini masih akan diteruskan bagi memastikan hubungan antara pengangkutan awam lain seperti MRT, LRT, BRT dan Komuter. Dengan kerjasama yang baik dengan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat ini akan dijangka memberi kesan positif terhadap jaringan pengangkutan awam khususnya perkhidmatan bas serta hubungan dengan laluan pelaksanaan projek-projek pengangkutan yang lebih bermanfaat kepada Negeri Selangor. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Awam Negeri Selangor akan melihat keperluan yang lebih penting dalam merealisasikan sasaran untuk mencapai nisbah 60% pengangkutan awam berbanding 40% kenderaan persendirian menjelang tahun 2035. Bagi tujuan ini kajian pengangkutan ini setiap kawasan pentadbiran pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor hendaklah dilaksanakan untuk melihat jurang pengangkutan yang perlu diperbaiki mahupun ditambah baik dimasa hadapan serta mengenal pasti sistem pengangkutan yang cekap bagi mengelakkan berlakunya missing link dalam komuniti pengangkutan awam. Selain daripada itu nilai tambah yang dicadangkan untuk bas SMART Selangor akan diperhalusi dengan pelaksanaan kajian terhadap perkhidmatan dan penerimaan pengguna bagi merangka perancangan jangka panjang yang lebih baik dalam mengurangkan kos serta kebergantungan pada Kerajaan Negeri, sekian terima kasih.

Y.B.PUAN MICHELLE NG MEI SZE: Soalan tambahan Subang Jaya.

TUAN SPEAKER: Sila Subang Jaya.

Y.B.PUAN MICHELLE NG MEI SZE: Terima kasih Yang Berhormat Kinrara berkenaan bas Selangor, pada pandangan saya isu pengangkutan sebenarnya kalau boleh diturunkan kuasa daripada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri sebab pada pandangan saya Kerajaan Negeri yang paling tahu keadaan pengangkutan awam di

negeri-negeri sendiri. Saya nak tanya sama ada terdapatnya perbincangan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri berkenaan penurunan kuasa ini, terima kasih.

Y.B.TUAN NG SZE HAN: Kerajaan Pusat melalui Menteri Pengangkutan telah mewujudkan satu Majlis Pengangkutan Negara di mana Kerajaan Negeri juga dijemput, saya sendiri dijemput sebagai ahli dalam Majlis Pengangkutan Negara dan segala pandangan atau permintaan daripada pihak Kerajaan Negeri boleh disalurkan melalui Majlis Pengangkutan Negara tersebut, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Meru.

Y.B.TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR: Terima kasih kepada Tuan Speaker, soalan saya 122.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK: KEBAJIKAN GURU KONTRAK KAFA

122. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri merancang untuk menyerap guru-guru kontrak KAFA yang tiada sijil diploma untuk diserap sebagai kakitangan awam Negeri Selangor?

Y.A.B. DATO'MENTERI BESAR: Terima kasih Meru dan Speaker Kerajaan Negeri hanya akan melantik guru-guru KAFA tersebut mengikut peraturan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam pelantikan yang memerlukan keperluan-keperluan ikhtisas iaitu kelayakan-kelayakan yang diperlukan secara minimum untuk pelantikan jawatan tersebut. Justeru semasa penggulungan itu saya telah sebutkan kalau kita menaik taraf kesemua guru-guru KAFA ini kepada taraf DG 29 maka Kerajaan Negeri perlu berbelanja RM141 juta dan pada ketika ini kita belum lagi mengambil keputusan untuk meningkatkan staf tersebut kecuali selepas kita berbincang dan juga menyusun dengan pihak Kerajaan Persekutuan khususnya dengan pengumuman Timbalan Menteri berkaitan terhadap isu ini, terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sila Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR: Nak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkaitan dengan perancangan Kerajaan Negeri untuk menaikkan gaji mungkin guru-guru KAFA ini kalau kita lihat ada kalangan guru KAFA ini gajinya di bawah RM1,000.00 yang mana Kerajaan Pusat sendiri telah meletakkan kadar gaji minimum. Jadi apa pula perancangan Kerajaan Negeri untuk membela dan juga menaik taraf gaji guru-guru KAFA di Negeri Selangor.

Y.A.B. DATO'MENTERI BESAR: Yang Berhormat mengikut rekod kita tidak ada guru-guru KAFA yang menerima gaji kurang daripada RM1,300.00. Di Negeri Selangor kita tetapkan gaji minimum yang lepas dan kita telah *honest* dengan janji tersebut. Ikut rekod kita semua guru KAFA minimum RM1,300.00 dan ada yang terima lebih. Dia hasil dari pemberian federal dan sebahagian peruntukan negeri, kita gabungkan menjadi RM1,300.00, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sijangkang.

Y.B. DATO' DR.AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker, kami ucapkan tahniah, terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang pada awal tahun ini yang memberikan pengiktirafan dan meraikan guru-guru KAFA, Cuma saya bertanyakan apakah pendapat Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri kerana sebahagian daripada guru-guru KAFA ini bersifat guru sambilan, kalau dapat ketua guru KAFA ini diserapkan didalam skim kontrak di Negeri Selangor ini.

Y.A.B. DATO'MENTERI BESAR: Sijangkang saya menyambut baik cadangan Sijangkang tersebut kita akan cuba serapkan termasuk martabatkan guru-guru KAFA yang ada di dalam Negeri Selangor dan kita sedang nilai terutamanya yang melibatkan faktor kewangan dan pengurusan dan kedudukan pentadbiran keseluruhan guru-guru KAFA tersebut, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR: Penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi dia ada sebut tentang gaji guru KAFA RM1,300.00 saya difahamkan bahawa untuk Kerajaan Negeri Selangor gaji minimum RM1,500.00 sepatutnya mereka ini dinaikkan RM1,500.00 gaji, mohon penjelasan.

Y.A.B. DATO'MENTERI BESAR: Insya Allah kita akan nilai balik cadangan-cadangan tersebut dan dia adalah berdasarkan ikut tahun-tahun tertentu. Nanti saya akan semak balik isu-isu ini dan gabungkan semua isu-isu pekerja bagaimana untuk

meningkatkan gaji-gaji bersama penjawat awam dan GLC di Negeri Selangor supaya dia selari dengan dasar yang telah ditetapkan.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang

Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya bernombor 123.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK: PENUTUPAN KILANG

123. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci kilang yang telah menutup operasinya di Selangor dari 2016-2018.
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk membantu pekerja yang telah diberhentikan?

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Jumlah kilang yang telah menutup operasinya di Selangor dari tahun 2016 hingga tahun 2018 adalah sebanyak 3,118 buah kilang, perincian mengikut PBT akan diberi secara bertulis Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif dalam menganjurkan program-program tersebut bagi membantu pekerja yang telah diberhentikan di Selangor seperti berikut yang pertama Program Karnival Kerjaya atau Selangor Job Fair adalah kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Selangor dan Job Malaysia iaitu sebuah program yang mempunyai peluang kepada yang memberi peluang kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan pekerjaan. Selangor Job Fair siri satu telah diadakan pada 4 Ogos 2018 bertempat di Shah Alam Convention Centre sebanyak 5,359 peluang pekerjaan telah ditawarkan dan daripada jumlah tersebut seramai 3,177 calon telah berjaya mendapat pekerjaan. Yang kedua Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor iaitu sebuah program latihan keusahawanan dalam melalui kursus dalam bidang-bidang seperti berikut saya bagi beberapa contoh seperti Mobile Service Aircond, cuci kasut, Mobile Barber, Ayam Gunting, Terapi Bekam, Bakery, Mobile Spa dan sebagainya. Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal. Pada tahun 2011 hingga 2018, terdapat 3,248 orang peserta yang telah terpilih untuk menyertai Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor. Daripada jumlah tersebut seramai 2,436 orang peserta atau 75% telah

berjaya menjana pendapatan melalui program tersebut. Purata pendapatan bulan mencatatkan jumlah tertinggi bagi purata pendapatan berjumlah RM500.00 sehingga RM2,000.00 sebulan melalui 1,712 orang peserta atau 52.71%. Yang ketiga Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas SMART Selangor telah diperkenalkan pada tahun 2018 Kerajaan Negeri Selangor akan memberi pembiayaan kepada 2,000 belia dalam pelbagai bidang kemahiran melalui kerjasama dengan Strand Aerospace, INPENS, Selangor HUMAN Resource Development Centre dan SST & Consultancy Academy. Program kemahiran ini menawarkan pelbagai latihan teknikal dan vokasional seperti industri aeroangkasa dan industri halal kepada belia Selangor dalam tempoh tertentu di mana setelah tamat program kemahiran ini, belia-belia akan diserapkan sebagai tenaga mahir di dalam pasaran industri-industri di Selangor.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI: Terima kasih Tuan Speaker, tadi disebut oleh EXCO bahawa terdapat 3,000 kilang yang telah pun menutup operasinya di Selangor dari 2016 hingga 2018. Ini adalah satu angka yang sangat besar yang mana kita melihat bahawa ini adalah satu perkara yang kurang sihat. Jadi Sementa ingin bertanya apakah punca ataupun sebab kilang-kilang ini menutup operasinya di Selangor dan apakah jenis kilang yang keluar yang menutup operasi ini. Adakah mereka ini menutup kilang sebab tidak ada ataupun bankrap atau apa pun ataupun mereka lari daripada Negeri Selangor.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Statistik yang diberikan oleh Negeri Selangor itu merangkumi semua jenis perniagaan dari kilang yang sangat kecil dan sehingga kilang yang besar. Bagi soalan yang apakah sebab mereka menutup saya perlu semak balik, kenapa kilang-kilang itu ditutup dan tidak dapat diteruskan operasinya di Negeri Selangor dan jawapan itu akan diberikan kemudian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Permatang

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN: Terima kasih Yang Berhormat Speaker soalan saya 124.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK: SENGGARAAN PARIT, LONGKANG SERTA JALAN KEBUN/LADANG

124. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pusingan bulan senggaraan bagi Parit dan Saliran khususnya di DUN Permatang.
- b) Nyatakan Bajet serta jadual pusingan senggaraan.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM: Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Permatang atas soalan berhubung dengan senggaraan parit, longkang serta jalan kebun, ladang di kawasan DUN Permatang. Untuk makluman Yang Berhormat parit-parit saluran kampung telah disenggara mengikut peruntukan yang telah diberikan kepada Jabatan Pengaliran dan Saliran. Pada tahun 2018 kerja-kerja penyelenggaraan telah dibahagikan kepada empat bahagian iaitu yang pertama kerja-kerja sebut harga 10 kerja telah dilaksanakan. Kerja-kerja undi 15 kerja telah dilaksanakan. Kerja-kerja kecemasan 21 kerja telah dilaksanakan dan yang keempat kerja-kerja tebasan parit oleh JKKK Kampung tiga pusingan dalam setahun. Skop kerja bagi kerja-kerja sebut harga, kerja undi dan kerja kecemasan adalah meliputi kerja cuci gali parit, membaiki pintu air dan pengukuhan tebing parit dan sungai. Peruntukan yang telah dibelanjakan bagi tujuan penyelenggaraan bagi tahun 2018 adalah seperti berikut. Yang pertama bagi kerja-kerja sebut harga sebanyak RM900,000.00. Bagi kerja-kerja undi sebanyak RM360,000.00. Bagi kerja-kerja kecemasan RM200,000.00 dan yang keempat bagi kerja-kerja tebasan 3 pusingan JKKK sebanyak RM400,000.00. Jumlah keseluruhan ialah RM1.86 juta. Sekian.

TUAN SPEAKER : Soalan 125 bagi Balakong sudah dijawab bersekali dengan no. 55 hari itu. Jadi saya teruskan Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAH : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya no. 126

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAH
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PUSAT HEMODIALISIS

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat menambah bilangan pusat-pusat hemodialisis percuma untuk kegunaan rakyat?

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Taman Templer. Untuk maklumat Taman Templer, kerajaan negeri sebenarnya tidak mempunyai pusat-pusat hemodialisis percuma di bawah kerajaan negeri. Namun, kita bekerjasama dengan 88 buah pusat rawatan dialisis swasta sedia ada yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memberi perkhidmatan rawatan dialisis kepada pesakit kegagalan buah pinggang di Negeri Selangor dengan menampung kos rawatan kepada mereka. Dan untuk maklumat juga kita tahu bahawa pihak zakat juga sponsor untuk rawatan-rawatan pesakit-pesakit hemodialisis ini.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong. Tak hadir. Tidak memaklumkan. Seterusnya, Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan Pelabuhan Klang no. 128.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : SAMPAH HARAM

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan oleh Kerajaan Negeri bagi membendung kegiatan pembuangan sampah (industri) haram di dalam kawasan DUN Pelabuhan Klang terutamanya di Pulau Indah seperti dilaporkan oleh media antarabangsa (The Japan Times pada 26/10/2018)?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Yang Berhormat Pelabuhan Klang. Di antara tindakan yang diambil oleh Majlis Perbandaran Klang bagi membendung kegiatan-kegiatan pembuangan sampah industri ini adalah dengan menetapkan setiap kilang yang memperbaharui lesen disyaratkan supaya melantik kontraktor sisa industri sebelum lesen perniagaan boleh diperbaharui. Manakala bagi kilang yang tidak mempunyai lesen tindakan penguat kuasa akan dikenakan.

TUAN SPEAKER : Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Soalan tambahan, terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat EXCO. Masalah sampah haram ini semakin menjadi-jadi terutamanya sampah industri. Bukan hanya di kawasan Pelabuhan Klang. Saya rasa ada banyak kawasan DUN lain yang berdekatan atau bersebelahan dengan DUN Pelabuhan Klang dan sekarang ini sudah ada menjadi macam satu trend sampah-

sampah industri ini dibuang kawasan-kawasan hutan paya bakau. Jadi ini menimbulkan banyak masalah sehingga menimbulkan kacau ganggu di kalangan penduduk berlakunya pencemaran bau dan juga pencemaran sungai. Soalan saya apakah tindakan yang paling tegas yang Kerajaan Negeri boleh ambil bagi menangani masalah ini dan berapa kes kah yang kita telah berjaya berikan hukuman kepada pesalah-pesalah ataupun pelaku-pelaku pembuang sampah haram ini.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Wujudnya sampah haram ada dua kemungkinan. Satunya sampah haram daripada kilang yang berlesen. Yang kedua, sampah haram memang dari kilang haram. Jadi bagi tindakan penguatkuasaan sekiranya didapati sampah haram itu daripada kilang berlesen maka PBT boleh ambil tindakan untuk menghukum atau membatalkan lesen perniagaan kilang tersebut. Tetapi bagi sampah haram yang dari kilang haram, kalau kita dapat kenal pasti lokasi kilang haram itu tindakan penguatkuasaan juga boleh diambil dengan memberi notis kepada kilang tersebut. Kalau bagi tapak yang menerima sampah haram tindakan yang paling tegas yang boleh diambil oleh kerajaan negeri adalah melalui memberi Notis 7A, salah guna tanah dan akhirnya Kerajaan Negeri yang boleh merampas tanah itu sekiranya tanah itu tidak pulih semula. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker, salah satu kekurangan dari segi penguatkuasaan ataupun undang-undang ialah PBT hanya boleh menguatkuasakan undang-undang di bawah akta kerajaan tempatan dan sebagainya dan ini undang-undang ini tidak memperuntukkan kuasa yang lebih tegas ataupun hukuman yang lebih berat pada pesalah-pesalah. Apakah cadangan Yang Berhormat supaya kita boleh bincang perkara ini dengan KPKT supaya akta yang akan diluluskan Parlimen ini berserta sekali dengan undang-undang kecilnya dipinda supaya PBT diberi kuasa untuk menangkap, menahan, mendakwa dan mahkamah diberi kuasa untuk menghukum terhadap pesalah ini.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Ini merupakan satu cadangan baik. Oleh sebab pindaan akta-akta atau pindaan mengambil masa yang panjang dan satu kajian yang teliti perlu dibuat dan STANDCO saya akan mengkaji semua UUK sedia ada supaya kita dapat meningkatkan tindakan penguatkuasaan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Soalan tambahan ke? Iya Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Soalan tambahan. Undang-undang dan sebagainya adalah tindakan dalam bentuk menghukum pesalah. Tapi apakah kaedah-kaedah yang kerajaan negeri ambil untuk menangkap pesalah itu ketika mereka melakukan kesalahan itu sendiri.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengikut akta atau undang-undang yang sedia ada. Adakah undang-undang itu memberi kuasa kepada penguat kuasa daripada PBT untuk menahan pesalah tersebut. Yang itu kita perlu mengikut undang-undang yang sedia ada. Bukan kita boleh suka-suka menahan semua pesalah.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya Pelabuhan Klang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Tuan Speaker, terima kasih. Berkenaan dengan isu sampah haram ini ada kes-kes yang sebenarnya telah dilaporkan awal bermula daripada kecil sehinggalah sekarang ini dan menjadi besar. Saya ada satu kes yang sekarang ini penduduk memang sangat tidak berpuas hati sebab telah dilaporkan pada bulan April tahun 2017 tetapi tiada penguatkuasaan dan tiada tindakan yang diambil pun tentang masalah pembuangan sampah haram ini. Sehingga merosakkan hutan paya bakau, dan sehingga hari ini dan keadaan menjadi semakin kritikal dan kawasan pembuangan sampah tersebut menjadi semakin besar dan sekarang ini setiap malam penduduk terpaksa menghidu baru busuk yang amat sangat dan saya harap sangat kali ini pihak Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Pejabat Daerah dan Tanah Klang bersama dengan Majlis Perbandaran Klang untuk mengambil tindakan tegas terhadap kawasan ini yang terletak bersebelahan dengan Taman Teluk Gadung Indah. Dari sebuah pemandangan yang sangat cantik kayu bakau yang sangat cantik sekarang ini sudah menjadi betul-betul sebelah taman saya. Sebuah pemandangan yang sangat mengecewakan penduduk-penduduk yang tinggal di taman tersebut. Jadi saya berharap kes ini diselesaikan dengan segera dan kalau perlu melakukan perampasan tanah lakukan dengan segera.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Saya ambil maklum laporan daripada Yang Berhormat Pelabuhan Klang tetapi bagi perampasan tanah itu kita perlu ikut prosedur yang betul. Kita perlu keluarkan Notis 7A, 7B dan seterusnya sebelum rampasan itu boleh dilaksanakan.

TUAN SPEAKER : Dusun Tua.

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan Dusun Tua no.129.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF
(N23 DUSUN TUA)**

TAJUK : PENIPUAN TANAH

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat berapa banyak kes penipuan tanah melibatkan penjualan lot-lot tanah di Selangor?
- b) Apakah kaedah-kaedah yang diambil oleh Pejabat Tanah untuk membasmi penipuan-penipuan melibatkan tanah di Selangor?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Dusun Tua. Dan ini juga telah dibangkitkan oleh beliau ketika membahaskan pengurusan ataupun pembangunan tempoh hari. Yang Berhormat sekalian, untuk makluman Yang Berhormat, Pejabat Tanah dan Galian Selangor tidak menerima aduan penipuan tanah secara rasmi yang melibatkan penjualan lot-lot tanah atau lot lidi. Maklumat diperolehi daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Bahagian Unit Jenayah Tanah, Polis Diraja Malaysia tidak melaporkan secara spesifik mengenai kes penipuan penjualan lot-lot tanah. Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik kes penipuan urusan tanah yang dilaporkan sebanyak 136 jumlah kes penipuan yang berlaku di Negeri Selangor yang melibatkan urus niaga pindah milik tanah dari tahun 2010 sehingga 30 September 2018. Sekiranya terdapat mana-mana pihak yang telah berkuasa dan Pejabat Daerah dan Tanah dan Galian Negeri Selangor.

Yang kedua, untuk makluman Yang Berhormat, kaedah-kaedah yang diambil oleh Pentadbiran Tanah Negeri Selangor untuk membasmi penipuan penjualan tanah-tanah lot di Negeri Selangor adalah dengan cara menolak semua permohonan Pendaftaran Surat Ikatan Amanah bagi semua lot-lot tanah pertanian ataupun lot lidi atas semua alasan berkuat kuasa mulai 28 September 2018 sehinggalah satu dasar yang berkaitan dirangka dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Penolakan ini akan terpakai di semua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS). Biasanya surat ikatan amanah ini yang merupakan *agreement* dan perjanjian di antara pemilik dan juga orang yang ingin mengecilkan lot untuk meracik lot tersebut mereka perlu mendaftarkan ke Pejabat Tanah dan mulai 28 September lepas kita tolak semua kerana mengelakkan daripada unsur-unsur penipuan dan penjualan lot lidi wujud.

Pentadbiran Tanah Negeri Selangor telah menggunakan kaedah biometrik melalui penggunaan Sistem SELAMAT dalam setiap urusan perserahan urus niaga dan bukan urus niaga. Pentadbiran Tanah Negeri Selangor juga telah bekerjasama dengan Jabatan Kehakiman Malaysia untuk menyemak Surat Kuasa Wakil atau *Power Of Attorney* melalui sistem *e-filling*. Usaha-usaha tersebut dapat mencegah aktiviti penjualan lot-lot tanah secara berleluasa tanpa mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Pihak Berkuasa Perancang (JPBD).

Selain itu, pelbagai medium digunakan bagi mewujudkan kesedaran di kalangan orang awam melalui hebahan informasi berkenaan risiko pembelian lot-lot tanah di media sosial seperti Facebook dan Portal Rasmi Jabatan. Hebahan ini turut dipanjangkan ke Majlis Peguam Negeri Selangor untuk makluman. Khidmat nasihat berterusan juga diberikan kepada mereka yang hadir terus ke Pejabat Tanah dan Daerah (PDT) dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS). Langkah-langkah ini dapat melindungi kepentingan masyarakat agar tidak mudah terpedaya dan menjadi mangsa kepada pihak yang tidak bertanggungjawab.

TUAN SPEAKER : Dengkil.

Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Dari Dengkil ke Sungai Buloh, soalan saya 130.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : PEMBANGUNAN MERAKYAT DALAM KAWASAN CYBERJAYA

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak rumah mampu milik telah dibina di Selangor melibatkan kawasan Dengkil dan berapa rumah melebihi RM300,000.00 dibina dalam tempoh yang sama?
- b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk menambah atau merangsang pembinaan lebih banyak rumah kos murah khususnya oleh pemaju swasta?

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Dengkil. Saya tak jawablah cara berpantun. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Dengkil mengikut rekod Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor jumlah unit Rumah Selangorku yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi kawasan atau mukim Dengkil adalah sebanyak 9 projek yang melibatkan 5,784 unit. Sebanyak 2 projek dengan 1,158 unit telah siap dibina dan 7 projek lagi yang terdiri daripada 4,626 unit sedang dalam pembinaan. Bagi data jumlah unit yang berharga RM300,000.00 dan ke atas ini merupakan kategori rumah harga bebas. Jadi Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tidak ada data tersebut. Mungkin boleh dapat jumlah ini daripada pihak Kementerian (KPKT). Soalan kedua daripada Dengkil apakah cara ataupun Kerajaan Negeri telah menambah baik dasar perumahan. Sebenarnya kita telah menambah baik dasar perumahan sedia ada supaya sentiasa relevan dengan keadaan semasa mengambil kira pembeli Rumah Selangorku dan juga kepada pemaju swasta yang berusaha untuk memperbanyakkan RSKU ini terutama sekali bagi Jenis A. Jadi dasar

perumahan mampu milik Negeri Selangor kita panggil yang telah di tambah baik Rumah Selangorku 2.0. Jadi yang ini telah berkuat kuasa pada April 2018 tahun ini. Bagi mana-mana tanah atau tapak cadangan yang terletak di zon 1 pembangunan dengan keluasan melebihi 5 ekar dan ke atas dikenakan syarat penyediaan 10% Rumah Selangorku Jenis A. Bagi zon 2, pembangunan yang berkeluasan 20 ekar ke atas turut dikenakan 10% Rumah Selangorku Jenis A juga manakala bagi zon 3 yang berkeluasan 50 ekar dan ke atas dikenakan 10% RSKU Jenis A. Jadi penyediaan RSKU Jenis A ini disyaratkan kepada pemaju perumahan sama ada swasta ataupun kerajaan ataupun anak syarikat. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Dengkil, penambahbaikan ini juga melibatkan beberapa insentif sebagai galakan kepada pemaju swasta untuk membina lebih banyak RSKU Jenis A. Jadi antaranya adalah pertama, membenarkan peningkatan densiti pembangunan. Kalau sebelum ini kurang jadi kita tambahkan antara 90 unit seekar sehingga 120 unit seekar. Kemudian kita juga menyediakan pusat setempat ataupun *one stop centre* di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor bagi membincangkan komponen penyediaan rumah Selangorku. Jadi kita memudah cara dan juga mempercepatkan proses tersebut. Dan yang ketiga, kita juga mempromosikan ataupun menyebarkan projek-projek RSKU yang dibina dan kita minta juga pemaju swasta melalui media masa untuk melakukan perkara yang sama. Jadi maklumat ini bila sampai kepada awam maka kita akan dapat lebih banyak permohonanlah dan yang akhir sekali adalah kita juga saling mendapatkan ataupun mengemukakan senarai pembeli. Jadi maknanya pembeli ataupun pemohon boleh membuat permohonan atas talian tapi kita juga menggalakkan pemaju untuk mengemukakan senarai yang mereka kumpul sendiri dan serahkan kepada pihak Lembaga. Terima kasih.

Y.B. TUAN ADHID SYAN BIN ABDULLLAH : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Silakan Dengkil.

Y.B. TUAN ADHID SYAN BIN ABDULLLAH : Mengenai Cyberjaya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO adakah rundingan di antara Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Pusat mengenai status MSC di Cyberjaya. Memandangkan kita nak memperkasakan kembali Cyberjaya sebagai Silicon Valley adakah rundingan dengan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sebab yang sama dimaklumkan ada beberapa tempat ada taraf MSC di Bangsar, di Balakong. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Semenjak Mei tahun ini belum ada lagi perbincangan tersebut tapi kita mendapat permintaan daripada Cyberjaya sendiri untuk mendapatkan pertemuan untuk membincangkan secara lanjut. Saya nampak kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sentiasa

dilaksanakan. Jadi kalau sekiranya selepas pertemuan dengan pihak Cyberjaya kita akan lihatlah sama ada perkara ini boleh dibawa ke atas kepada KPKT. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Soalan saya soalan no. 131.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR SEKOLAH

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kebanyakan SMK dan SK di Negeri Selangor menghadapi isu kerosakan infrastruktur sekolah, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu SMK dan SK?
- b) Adakah permohonan Skim Bantuan Sekolah Negeri Selangor akan dibuka kepada SMK dan SK?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Rawang. Setakat ini pihak Kerajaan Negeri tidak lagi mempunyai sebarang peruntukan tambahan ataupun peruntukan yang diberikan khusus untuk menambahbaikkan infrastruktur Sekolah Menengah (SMK) dan Sekolah Kebangsaan (SK) kerana selama ini memang ia di bawah ruang lingkup Jabatan Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun begitu kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan boleh mempertimbangkan sebarang bentuk bantuan yang diperlukan oleh pihak sekolah sekiranya menghadapi masalah berkaitan dengan isu keselamatan ataupun bencana alam. Ini kita lakukan biasa bila berdepan dengan isu bencana-bencana tertentu seperti kebakaran dan sebagainya. Pada waktu itu biasanya kerajaan negeri membantu. Untuk kerosakan-kerosakan fizikal dan sebagainya setakat ini belum ada lagi peruntukan kerana kosnya sangat besar. Ia melibatkan 649 buah sekolah kebangsaan dan 229 sekolah menengah kebangsaan. Kos sangat besar dan saya menerima surat daripada pihak Kementerian dan saya sebutkan pada waktu ini kosnya terlalu besar untuk kita tanggung. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 132.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM DI KUALA LANGAT

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pengangkutan awam di Kuala Langat berada dalam keadaan yang tidak memberangsangkan berikutan perkhidmatan syarikat bas swasta yang tidak menentu dan tidak efisien. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini dengan Kementerian Pengangkutan khususnya Agensi Pengangkutan Awam Darat?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Penyediaan pengangkutan awam yang efisien dan menyeluruh adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Namun Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menyokong segala pembangunan pengangkutan yang dirancang bagi memastikan taraf sistem pengangkutan awam khususnya di daerah-daerah diperbaiki dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) selaku pengawal selia pengangkutan awam dan badan pemantau keberkesanan perkhidmatan seperti bas dan teksi di seluruh Malaysia. Memainkan peranan penting dalam memastikan kemudahan pengangkutan awam tidak terjejas oleh ketidakcekapan perkhidmatan bas awam. Oleh yang demikian, isu-isu berkaitan pengangkutan awam di negeri Selangor sentiasa di bangkitkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor kerana penglibatan APAD di dalam mesyuarat ini sebagai ahli tetap jawatankuasa dapat memberikan maklum balas serta tindakan segera dapat diambil jika syarikat bas awam tidak memberikan perkhidmatan mengikut kelulusan permit yang dibenarkan. Bagi perkhidmatan bas di Kuala Langat, laluan bas yang terlibat dengan masalah operasi syarikat bas tersebut telah pun ditukar dan diganti dengan syarikat lain yang lebih berkemampuan. Memberikan perkhidmatan terbaik di kawasan tersebut. Pihak Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) juga telah mengadakan perbincangan bersama wakil Ahli Parlimen Kuala Langat dan APAD berhubung perkara berkenaan termasuk masalah ketiadaan terminal bas di Kuala Langat disebabkan penutupan laluan serta terminal bas Banting oleh syarikat bas berkenaan. Lanjutan daripada itu, penempatan sementara untuk kemudahan perkhidmatan bas henti-henti telah disediakan oleh MDKL. Dalam meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam di Kuala Langat, MDKL telah mengenal pasti lokasi yang bersesuaian bagi cadangan pembinaan terminal bas dan teksi iaitu dia tapak kemudahan awam yang berkeluasan 2 ekar. Manakala bagi memantau efisiensi pengusaha bas MDKL mewajibkan kepada semua pengusaha bas untuk menghantar laporan jumlah penumpang pada setiap bulan untuk dilaporkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur MDKL. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Banting

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Mesyuarat yang dimaksudkan yang diadakan oleh Ahli Parlimen atau wakil Ahli Parlimen adalah diadakan pada beberapa bulan yang lepas dan daripada mesyuarat itu sehingga sekarang kehadiran APAD dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan lalu lintas di MDKL adalah agak minimum. Untuk itu saya telah pun menulis dan memohon kepada APAD untuk memberi statistik dan mengadakan perjumpaan yang lebih kerap untuk membincangkan masalah ini. Masalahnya ialah sehingga sekarang e-mel saya masih belum dibalas. Saya kira itu satu budaya yang tidak bagus iaitu e-mel tidak reply daripada wakil rakyat bukan orang awam. Kalau wakil rakyat pun tidak dibalas oleh pegawai di peringkat persekutuan, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO apakah bantuan atau peranan yang boleh dimainkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan Agensi Pengangkutan Awam Darat ini beri respons kepada permintaan bukan sahaja daripada wakil rakyat tetapi juga Ahli Majlis untuk memastikan mereka memberi informasi yang lebih jitu dan tepat dalam jawatankuasa. Sekian.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Seperti apa yang dijawab oleh saya tadi, APAD atau Agensi Pengangkutan Awam Darat merupakan Ahli Tetap di dalam Jawatankuasa Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Maka masalah-masalah atau soalan-soalan boleh dikemukakan kepada APAD melalui mesyuarat tersebut. Sebagai info tambahan kepada Yang Berhormat Banting, di Daerah Kuala Langat ada dua jenis perkhidmatan bas yang sedia ada iaitu bas hentian berbayar dan juga Bas Percuma Smart Selangor. Antaranya ada 4 operator yang baru telah mula beroperasi di daerah Kuala Langat iaitu Wawasan Sutra dengan No. Laluan bas 730 dari Banting ke Klang. No. Laluan bas 733 dari Banting ke Tanjung Sepat. T730 dari Terminal bas Banting ke Bukit Cheeding. 734 dari Banting ke Hab Pasar Seni. Operator yang kedua Nadi Putera dengan laluan bas 731 dari Banting Dengkil ke Putrajaya. 732 Banting KLIA dan yang ke empat Bas Smart Selangor dengan laluan bas KL 01 dari Banting ke ERL Salak Tinggi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Ramal.

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya soalan yang ke 133.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR
(N26 SUNGAI RAMAL)**

TAJUK : MAHAD HAMIDIAH KAJANG

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan bantahan dan aduan daripada pihak sekolah dan PIBG Maahad Kajang terhadap projek pembinaan bangunan The Louvre di hadapan sekolah tersebut yang didakwa mengancam keselamatan dan mengganggu pembelajaran para pelajar sekolah tersebut?.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Pihak Majlis Perbandaran Kajang telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bersama-sama *Task Force* Selamatkan Maahad Hamidiah Kajang, PIBG, SMKA Maahad Hamidiah dan pihak pemaju pada 27 April 2015, 12 Mei 2015 dan 21 Mei 2015 bagi membincangkan dan menyelesaikan isu bantahan dan aduan tersebut. Pihak MPKj telah menyediakan kertas berkaitan isu The Louvre dan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) berdasarkan keputusan mesyuarat MMKN ke 7/2016 yang telah diadakan pada 24 Februari 2016 telah disahkan oleh MMKN ke 8/2016 pada 2 Mac 2016 telah mengambil maklum perkara-perkara berikut. Pertama, penjelasan oleh Majlis Perbandaran Kajang berhubung projek kelulusan cadangan pembangunan seperti kebenaran merancang, perakuan pra-hitungan, plan infrastruktur dan plan bangunan serta tindakan-tindakan notis dan kompaun yang diambil oleh pihak MPKj ke atas pemaju.

Yang kedua, pihak MPKj juga telah memaklumkan bahawa pihaknya telah mengeluarkan kelulusan pembangunan bagi projek The Louvre setelah mengambil kira semua aspek berkaitan termasuklah pematuhan Rancangan Tempatan, Garis Panduan Perancangan, peruntukan undang-undang yang berkaitan serta ulasan dan sokongan jabatan teknikal. Pihak MPKj turut memaklumkan bahawa kelulusan jalan masuk yang diberikan oleh MPKj kepada pemaju adalah terikat dengan plan konsep yang diluluskan oleh LLM kepada pemaju.

Ahli Yang Berhormat sekalian pihak kerajaan negeri telah memanggil dan menjemput pihak yang dianggap sebagai *task force* sebagaimana di dalam MTES untuk mendengar semua pandangan-pandangan yang diberikan dan kita memastikan pihak MPKj dapat memastikan pihak pemaju tersebut menetapkan serta mengikuti semua peraturan-peraturan dan *comply* dengan izin semua urusan-urusan yang perlu dilakukan untuk memastikan keselamatan dan pembangunan yang dijalankan itu bertepatan dan tidak membahayakan pihak lain. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Ramal

Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR : Terima kasih Tuan Speaker, sedikit sahaja dengan maklum balas saya telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat termasuk pihak pemaju dan sekarang ini saya dapat difahamkan bahawa pihak sekolah memohon supaya jalan yang digunakan oleh para pelajar dan

para ibu bapa ke sekolah tidak digunakan oleh pihak pemaju dan pihak pemaju juga tidak menghadapi masalah untuk bersetuju dengan permintaan pihak sekolah ini. Cumanya minta dapat perkara ini dikuatkuasakan oleh pihak MPKJ memandangkan kedua-dua pihak setuju sebagai jalan penyelesaian tersebut. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, jika kedua-dua pihak bersetuju saya rasa tidak ada masalah dan ini *understanding* dan musyawarah yang baik dan maklumkan pada pihak MPKJ supaya kita boleh memaklumkan terutama ahli Majlis di kawasan tersebut boleh memaklumkan dan menyusun perkara dan persoalan tersebut. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Tahniah.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Usul No. 15 Tahun 2018 Usul Peruntukan Pembangunan 2019.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan Yang Berhormat Pandan Indah, sambung ya, ringkas dan saya tidak benarkan mana-mana Ahli-ahli Dewan Negeri yang mencelah dengan isu yang tidak berkaitan, yang tidak berkaitan saya tidak benarkan ya. Sila teruskan.

Y.B. TUAN Ir. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat saya sambung secepat mungkin untuk selesaikan Perbahasan berhubung dengan Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan.

Soalan daripada ataupun perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sijangkang, berhubung dengan isu banjir dan juga isu jalan penyelenggaraan atau pembinaan jalan atau menaiktarafan. Saya telah pun jawab tentang isu banjir tadi dalam soalan mulut tadi. Berhubung dengan MARRIS untuk makluman Yang Berhormat bagi tahun 2019 Kerajaan Negeri akan menerima RM527 juta peruntukan bawah MARRIS dengan panjang jalan 21,742,000 kilometer. Untuk makluman Yang Berhormat juga fasa satu projek cerapan jalan kampung telah siap dilaksanakan bertujuan untuk menambah daftaran jalan kampung kita sepanjang 1,500 kilometer, fasa dua tambahan telah mencerap sebanyak 1,345.35 kilometer. Jumlah keseluruhan panjang jalan yang berjaya dicerap adalah sepanjang 2,845.32 kilometer, jalan kampung ya. Projek ini bermula pada 15 Disember 2017 dan siap pada 15 Julai 2018 (18 bulan) anggaran pulangan hasil daripada cerapan dan daftaran ini ialah RM39.8 juta kepada MARRIS, untuk MARRIS.

Berhubung dengan jambatan di FT5 iaitu di Sungai Rambai Kecil dan Sungai Rambai Besar, ini adalah berkaitan dengan...

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Speaker.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih EXCO. Mungkin kalau dapat beri penjelasan daripada RM39.8 juta selepas cerapan yang telah didaftarkan, berapakah jumlah yang kita terima untuk panjang jalan, peruntukan MARRIS ini dan berapa peruntukan yang dianggarkan oleh Kerajaan Negeri bagi jalan-jalan kampung untuk penyelenggaraan pada tahun ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Ini yang saya sebutkan tadi, jumlah cerapan itu ialah keseluruhan 2,845 dan memberikan hasil tambahan RM39.8 juta untuk jalan-jalan di bawah jalan kampung. Jadi jumlah keseluruhan saya dah sebut tadi ialah RM527 juta untuk seluruh Selangor termasuk semua jalan-jalan negeri dan juga jalan kampung dan jalan ladang. Pecahan ini saya tidak ada *detail*, nanti saya akan, ni saya rujuk kepada soalan Yang Berhormat timbulkan berhubungan dengan cerapan jalan kampung ya dan untuk jambatan ini telah pun saya sebutkan dalam....

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : EXCO, bermakna RM39 juta ini akan diuntukkan untuk jalan kampung pada tahun ini, untuk tahun....

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Untuk tahun depan la, tahun 2019.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Makna tahun ini kita tak dapat apa lagi la.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Ada. Ini tambahan kepada cerapan jalan kampung. Ini saya cerita tambahan ya.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI : Terima kasih.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Untuk jambatan ini saya juga telah sebut dalam jawapan sebelum ini berhubung dengan jambatan ini dan telah pun diluluskan untuk pembinaan dan akan di tender pada Januari 2019, jambatan bagi Sungai Rambai Kecil dan Sungai Rambai Besar. Untuk makluman juga Yang Berhormat, bagi isu berkaitan dengan kesesakan lalu lintas di Saujana Putra di bulatan Saujana Putera ini adalah di bawah yang menghubungkan Plaza SKVE Saujana Putera ke Plaza ELITE di bawah

Lembaga Lebuh raya Malaysia yang kita akan dapatkan maklumat. Ini terletak di bawah bidang kuasa Lebuh raya Malaysia, begitu juga dengan isu berkaitan dengan akses bagi tanah persendirian yang mengeluarkan hasil dari kebun. Ini pun di bawah bidang kuasa Lembaga Lebuh raya Malaysia dan saya akan menghubungi pihak LLM untuk mendapatkan penjelasan dan juga cadangan berhubung dengan perkara ini. Tentang...

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI : Speaker.

TUAN SPEAKER : Sila Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD HAIRI : Mohon sedikit penjelasan daripada berkaitan dengan *flyover* di Bandar Saujana Putera yang mana dulu pernah dibincangkan sebenarnya ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab pemilik utama tanah sebelum ini iaitu PNSB yang kemudiannya sebahagian daripada tanah ni telah dijual kepada pemaju-pemaju yang tidak disyaratkan sebahagian untuk pembinaan, keperluan yang telah juga dibincangkan dengan LLM. Jadi tidak ada, sekarang ni tidak ada sumber dari mana peruntukan itu kalau kita serahkan kepada LLM juga saya kira jawapan LLM adalah seperti mana yang kena pulangkan semula kepada Kerajaan Negeri. Saya kira ini perlu ada satu penyelesaian sebab pada hari ini kita mendapat kompelin yang begitu banyak dari penduduk tempatan terutamanya berkaitan dengan kesesakan yang saya kira sudah tidak dapat ditanggung lagi oleh pengguna-pengguna laluan ni. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Okay, sebenarnya kita dah mempunyai satu Jawatankuasa yang menyelaras berhubung dengan pembangunan atau pengurusan lebuh raya di Negeri Selangor yang saya mempengerusikan sendiri, dan sekretariatnya ialah Jabatan Perancang Bandar dan Desa saya akan bawa perkara ini untuk dibincangkan secara *detail* penyelesaian kepada dan LLM pun adalah dalam Jawatankuasa ini untuk kita selaraskan kerja-kerja yang berkaitan dengan tempat ini. Saya harap Yang Berhormat dapat bersabar ya saya akan cuba selesaikan secepat mungkin.

Berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu berhubung dengan isu TKPM. Untuk makluman semua TKPM ni merujuk kepada Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang di Selangor ini ada yang diletak di bawah Jabatan Pertanian, ada yang terletak di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, dan untuk makluman Yang Berhormat di Hulu Selangor, Daerah Hulu Selangor ada 4 TKPM yang diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar iaitu di Sungai Nilam, 36 hektar yang merupakan pelan lokasi untuk tenusu, lembu tenusu dan juga penanaman rumput *napier* dan yang kedua ialah di Sungai Jang 36.34 hektar untuk ternakan kambing,

ayam dan lembu daging, di TKPK Buloh Telur ialah lembu daging, lembu sado dan genetik, baka 29.1 hektar dan di TKPM Tamu iaitu 45.47 iaitu lembu tenusu dan kambing.

Berhubung dengan apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat adalah di Sungai Nilam yang telah disediakan tempat untuk *trans* lokasi lembu-lembu yang merayau ini tetapi tempat itu tidak mendapat sambutan, memang kawasan itu agak berbukit sebahagian tanahnya kerana bukan itu isunya kerana di Tamu ini pun di Sungai Tamu ini pun dia berbukit juga tetapi mendapat sambutan yang baik kerana kedudukan Sungai Nilam ini agak jauh, agak terpencil dan bila kita meletakkan ia sebagai tenusu, jadi susu ini perlu dihantar setiap hari sebab dia *perishable* ya mudah rosak, jadi menyebabkan kepayahan kepada para pengusaha untuk menyewa tempat berkenaan dan menyebabkan kurang sambutan. Itu berdasar kepada *feed back* bukan kerana semata-mata tempat itu berbukit, bukan semuanya berbukit, sebahagian kawasan itu adalah berbukit dan saya telah berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan...

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Mencilah.

TUAN SPEAKER : Kuala Kubu Baharu. Ada berkaitan ke tidak?

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Ya, berkaitan.

TUAN SPEAKER : Berkaitan ya, bukan Perbahasan ya.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Jawapan daripada Yang Berhormat EXCO kata tempat itu digunakan sebagai lembu tenusu tak sesuai. Kalau tak sesuai kita patut ada satu langkah yang diambil untuk menukarkan dia kepada ternakan lembu daging ataupun sebagainya, takkan kita biarkan macam ni yang berbukit itu.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Itu yang saya nak jawab tadi tapi YB dan bangun dulu. Saya baru je nak bercakap.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat ya.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Saya telah berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk melihat semula kalau tidak sesuai untuk susu kita akan buat untuk lembu daging ataupun kambing. Ini antara perkara yang akan saya laksanakan di sana, dalam masa yang sama juga di tempat-tempat lain di lebuhraya ada persoalan-persoalan yang timbul isu lembu yang terbiar ini atau bukan terbiar, dibiarkan merayau ialah pembangunan di Olak Lempik, di Kuala Langat yang juga akan

siap pembinaan infrastruktur pada bulan Mac 2019, di kawasan ini juga akan kita gunakan untuk seluas 40 hektar ini akan juga kita guna untuk *trans* lokasi lembu ya lembu daging.

Soalan daripada Ijok pun sebahagian besar saya dah jawab tetapi saya akan tambah sedikit lagi Yang Berhormat Ijok berhubung dengan Rancangan Tebatan Banjir yang terlibat di kawasan Ijok ialah TB Sungai Buloh, yang telah pada awalnya ditangguh kerana kelulusan bajet yang diberikan agak kecil sedangkan projek ini memerlukan dana yang agak besar dan walau bagaimanapun, telah dibuat permohonan semula pelaksanaannya telah diluluskan untuk tahun 2019 yang akan ditender pada bulan Mac 2019 dengan peruntukan Persekutuan bagi Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buloh ini sebanyak RM50 juta. Bagaimanapun dalam masa yang sama juga bagi jangka pendek dan jangka sederhana kerja-kerja mengurangkan kejadian banjir dilaksanakan juga di daerah Kuala Selangor yang memberi impak kepada kawasan Ijok iaitu pertama menaik taraf pintu air di Kampung Harmoni, RM1.9 juta, dua ialah Rumah Pam Parit Mahang RM4.7 juta dan juga ketiga memasang sistem pam berkapasiti tinggi di Kampung Asahan RM4.46 juta.

Soalan daripada Yang Berhormat Subang Jaya ada ya, berhubung dengan isu NRW (Air Tidak Berhasil) ini, ada perkataan Melayunya, saya pun *Non Revenue Water* ini ialah saya dah sebut dalam ucapan sebelum ini dalam Perbahasan dan Penggulangan ini sebahagian besarnya berpunca daripada kebocoran paip pecah. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat bukannya 35% kita sekarang ni kedudukan *Non Revenue Water* kita ialah 31%. Yang kita telah pun tetapkan sasaran untuk kurangkan 1%, 1% setiap tahun sehingga mencapai 25% yang agak *reasonable*, yang agak berpatutan kerana kosnya tinggi untuk menurunkan 1% ni penggantian paip memerlukan RM300 juta, *just* nak turunkan 1% untuk NRW ini. Walau bagaimanapun, usaha ini perlu dibuat bagi menjamin kelestarian dari segi dan juga dari segi *good engineering practices* dan kita juga dapat mengurangkan *lost* kita punya *revenue lost*, kita punya kehilangan pendapatan air kita. Dan saya bersetuju Kempen Menjimatkan Air ini akan kita pertingkatkan dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan juga Air Selangor untuk beri kesedaran tentang penggunaan air dan pembaziran.

Berhubung dengan Subang - Kelana Link yang ditimbulkan ini sehingga kini pihak JKR ya, saya menjawab bagi pihak JKR, tidak menerima sebarang permohonan untuk menaik taraf Subang – Kelana Link ini, jadi kalau mungkin Yang Berhormat boleh buat permohonan cuma yang kita perlu perhatikan, saya sebenarnya pernah menjadi Ahli Majlis di kawasan berkenaan. Daripada Kelana Link itu melibat Jalan Kewajipan dan menjadi isu yang besar sehingga Yang Berhormat Bukit Gasing pun senyum sahaja, jadi mungkin kita boleh bincang dan telah pun di bincang dan kita cari dan kena fikirkan

kaedah yang terbaik sebab apa kita buat berbagai-bagai kaedah untuk menyelesaikan isu tetapi masih belum ada penyelesaian terbaik yang tuntas untuk menyelesaikannya. Jadi saya akan minta kerjasama pihak JKR untuk melihat bagaimana kita dapat baiki keadaan ini.

Tentang Yang Berhormat Seri Setia tak ada, Yang Berhormat Dusun Tua, okay Dusun Tua ada ya. Untuk makluman Yang Berhormat penggantian paip ini sebenarnya adalah di bawah Perbelanjaan Modal ataupun *Care Pack Air Selangor* sebab itu dia tidak berada di dalam bab Belanjawan kita dan Kerajaan Negeri juga ada dari masa ke semasa memberi pinjaman kepada projek-projek yang melibatkan penggantian paip kepada pihak Air Selangor.

Tentang lampu jalan saya dah jawab, semalam ya iaitu mengikut daerah. Untuk Yang Berhormat Sentosa pun begitu prihatin kepada Jalan B27 di Rawang, saya ucap terima kasih saya akan jawab sekejap lagi. Tentang penyelenggaraan jalan itu kita akan mengambil perhatian apa Yang Berhormat sebutkan untuk baiki, *SOP* kita dalam penyelenggaraan jalan. Yang Berhormat Kuang, bertanya mengenai, menyebut mengenai pengambilan balik tanah projek menaik taraf persimpangan Jalan Melati Kuang. Pihak JKR sedang menyediakan Kertas Cadangan menaik taraf persimpangan Melati Kuang sehingga ke Jalan Bukit Rahman Putera 7 pada ketika ini jalan sedia ada adalah dua lorong satu hala dan bersambung pula pada Jalan Bukit Rahman Putera 4, empat lorong dua hala. Jadi tentulah akan jadi *bottle neck* di situ dan Kertas Cadangan itu akan dimajukan kepada pihak UPEN untuk dimulakan kerja-kerja kajian atau awalan dulu ya sebelum kita buat pelaksanaan.

Dan tentang isu ladang sawit ini, sebenarnya memang pihak PKPS sangat-sangat berhasrat membina kilang *palm oil mill* ataupun kilang sawit ini di Sungai Panjang, Sabak Bernam, Sabak Bernam tu. Permohonan awal telah dibuat tapi di bawah syarat kelulusan MPOB (*Malaysian Palm Oil Board*) ini syarat ini untuk melayakkan mempunyai sebuah kilang ialah perlukan 4,500 hektar sawit, tanaman sawit untuk melayakkan lesen bagi pembinaan sebuah kilang pemprosesan kilang sawit ini. Buat ketika ini PKPS hanya mempunyai keluasan 3,156 hektar, jadi kekurangan lebih kurang 1,400 hektar yang sedang kita usahakan di Negeri Selangor di bawah Kerajaan Negeri untuk mendapatkan tanah-tanah yang sesuai untuk mencukupkan syarat itu.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Mohon laluan. Kita tahu bahawa MPOB ini mempunyai prosedur dalam permohonan untuk mendirikan kilang proses kelapa sawit ini tetapi dalam konteks PKPS ini hasil daripada kajian yang saya buat bahawa kita hanya memerlukan lebih kurang dalam minimum adalah 600 tan sehari. *Sorry*, 60 tan sehari untuk mendapatkan perahan maksimum di dalam kilang tersebut. Jadi jika

kita mengambil, jika MPOB tidak mengubah prosedur ni sampai bila pun kilang tak naik. Kita ni sebenarnya untuk memperjuangkan nasib pekebun kecil, yang ada di sekeliling di sekitar Sabak Bernam ini kerana sekurang-kurangnya apabila, apabila kilang tersebut didirikan maka pekebun-pekebun kecil boleh menjual terus ke kilang dan di situ yang saya sebut tadi berkenaan *transportation cost saving*.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, MPOB ni bidang kuasa EXCO ke apa?

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Saya faham. Saya faham ini MPOB bukan bidang kuasa Yang Berhormat EXCO.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, penjelasan mana yang Yang Berhormat tak jelas tadi tu daripada

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Fasal di ada menyebut fasal dia menyebut MPOB tu, dia menyebut MPOB juga tu Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya Yang Berhormat EXCO. Silakan Yang Berhormat EXCO.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Ya dia begini lah. Yang Berhormat boleh duduk dulu ya.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Saya belum habis lagi Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terus minta penjelasan tak perlu bagi huraian.

Y.B. TUAN SALLEHUDIN BIN AMIRUDDIN : Oh baik okay. Saya nak minta penjelasan supaya kilang tersebut dapat diusahakan untuk didirikan. Tidak ada alasan-alasan lain supaya kita ketepikan lah tentang soal prosedur, saya rasa Yang Berhormat mampu lakukan mempengaruhi Pegawai-pegawai di peringkat Kementerian. Terima kasih.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat. Tak apa lah baik kita terima la itu tapi buat masa ini itu syarat yang ditetapkan oleh MPOB, kita bolehlah berbincang atas sana berhubung perkara ini. Saya faham, saya akur memang dua isu besar sebenarnya bukan satu je. Dua isu besar kita ialah sekarang ini ialah pekebun kecil dan juga lain-lain yang mengusahakan kelapa sawit dia terpaksa hantar kilang di Perak dan bukan sahaja kos *transport* yang mahal, ada lagi satu apabila kita menghantar ke tempat yang jauh, kualiti buah itu akan menurun. Jadi dua penalti yang diterima oleh pengusaha sawit pertama ialah harga *transport*, harga pengangkutan dan

nilai buah sawit itu telah turun dan murah daripada, sebab itu kita memang nak sangat buat di Negeri Selangor ini.

Dan seterusnya berhubung dengan cadangan pembangunan ban-ban *cannal* ialah memang Kerajaan Negeri dan saya telah pun berbincang di bawah STANCO untuk melihat balik dan meminta kerjasama daripada termasuk Pejabat Daerah, Jabatan Pertanian dan juga agensi untuk mengenal pasti tanah-tanah kita di seluruh Selangor bukan sahaja di Sungai Panjang ni tetapi juga di seluruh Selangor untuk kita kenal pasti tanah-tanah terbiar, tanah-tanah yang sesuai untuk kita jadikan sebagai tempat untuk pertanian yang saya sebutkan dalam ucapan saya sebelum ini. Jadi masuk ban-ban *cannal* ya Yang Berhormat.

Untuk soalan daripada Yang Berhormat Kota Damansara, isu berhubung dengan permohonan untuk melihat kepada cadangan menaik taraf jambatan itu kita akan pertimbangkan, kita akan masukkan dalam senarai untuk kita buat kajian dan pelaksanaan bagi Kampung Melayu Subang ke Pekan Subang. Tentang aduan berhubung tiang elektrik di tengah jalan ini saya kita pihak JKR pun telah mengambil maklum dan menyiasat untuk dilihat dan supaya dapat dipindahkan.

Seterusnya berhubung dengan Bukit Badak ini, isu naik taraf jalan Bukit Badak ini, Kertas Cadangan ini telah pun dibuat pada asalnya tetapi telah pada awal digugurkan kerana kos permohonan yang diluluskan pada masa itu yang disetujui yang dipohon masa tu RM20 juta itu tidak memadai sebenarnya untuk dikaji semula dalam RMK 11, projek ini akan dikaji kos dan diangkat semula untuk dilaksanakan di RMK 12 sebab kos dia lebih tinggi daripada peruntukan yang diberikan itu, yang dipersetujui itu. Jadi pihak JKR telah mengemukakan permohonan kepada UPEN untuk melaksanakan kajian awal menggunakan PK1 dalam tahun 2019 ini. Tentang Persiaran Cakerawala ini, ini di bawah MBSA dan kita akan rujuk kepada pihak MBSA untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan di Persiaran Cakerawala.

Untuk seterusnya kepada Yang Berhormat Rawang, Yang Berhormat Rawang menimbulkan isu dan juga berhubung dengan projek B27. Tarikh siap semasa adalah pada 12 Oktober 2018. Sehingga kini pihak kontraktor telah dikenakan denda RM4,656.00 sehari. Pihak Jabatan sedang melaksanakan pemantauan terperinci kerja-kerja kontraktor dan memastikan kerja-kerja pengalihan utiliti paip SYABAS oleh sub kontraktor perlu diselesaikan terlebih dahulu agar tidak menjejaskan projek JPS sebab projek JPS pun ada di situ pada itu rancangan Tebatan Banjir. Selepas kerja pengalihan ini selesai, pihak Jabatan akan mengambil tindakan dari segi kontrak dan dari segi perundangan. Bagi melaksanakan penggantian Butiran Projek menaik taraf B27 fasa 3 ini, yang pada asalnya diperuntukkan disebut RM65 juta itu sebagaimana yang kita telah bincang dalam bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar dulu, kita telah pun mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa kita akan

menggantikannya, akan menggunakan peruntukan ini untuk melaksanakan projek *missing link* B27 dengan kos RM65 juta dan dimajukan kepada UPEN. Walau bagaimanapun, jajaran tersebut, *missing link* ini masih di bawah kawasan pemaju. Pihak Jabatan akan menyelaraskan projek ini bersama pemaju-pemaju yang terbabit terlibat kos tersebut dapat ditampung oleh syarikat yang terbabit. Jadi masih lagi ada isu dengan tanah pemaju ini. Tentang berkaitan dengan...

Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT : Minta penjelasan sikit. Terima kasih lah atas usaha daripada pihak Kerajaan atas *missing link* tersebut, cuma yang berkenaan dengan fasa 2, disebabkan keadaan jalan kini di atas jalan tersebut memang sangat teruk sehingga *public* semua tengah *complain*. Adakah pihak Kerajaan boleh menyuruh pihak JKR untuk menurap balik?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Saya telah pun menyuruh JKR menurap balik yang dan untuk makluman, JKR mereka ada membuat kerja baru ini tapi tidak begitu berkesan dan saya minta supaya langkah yang lebih konkrit untuk menyelesaikan sementara kita menyelesaikan isu-isu menaiktarafkan jalan atau masalah dengan kontraktor dan pengalihan utiliti. Saya telah pun menyuruh pihak JKR untuk menyelesaikan isu ini segera. Tentang *utility mapping* pun saya dah sebut baru ini memang setiap agensi ada *utility mapping* sendiri, saya akan menyelaras di bawah STANCO dan juga UPEN akan bantu untuk kita menyelaras supaya kita dapat laksanakan, ini satu projek yang sangat-sangat penting dan sangat *ambitious* dengan izin kerana telah diusahakan sekian lama tapi tidak berjaya. Jadi saya akan cuba, saya jadikan itu sebagai satu tugas berat yang saya akan cuba selesaikan dan kalau kita tak dapat selesaikan secara menyeluruh pun sekurang-kurangnya di tempat-tempat yang strategik, *utility mapping* ataupun peta utiliti ini supaya dapat memberi manfaat kepada semua yang terlibat dalam kerja-kerja di kawasan-kawasan pembangunan ini.

Seterusnya berhubung dengan soalan Yang Berhormat Sabak, tidak ada. Saya terus kepada Pelabuhan Klang, saya tak lupa sahabat saya Yang Berhormat Pelabuhan Klang yang begitu panjang jawapannya, saya pun tak berhasrat nak jawab nak cakap panjang, kerana dia pun dah banyak yang dijawab, boleh ya. Yang berhubung dengan soalan berhubung dengan penaiktarafan Saliran PK2 dan PK7 Pembangunan Infrastruktur, Mekanikal, Elektrikal Pelabuhan Klang, meskipun tiada peruntukan di bawah PK2 dan PK7 bagi Pelabuhan Klang namun terdapat peruntukan kerja-kerja pencegahan banjir yang akan dilaksanakan pada tahun 2019 iaitu (i) RTB Pandamaran walaupun di Pandamaran tapi dia melibatkan juga Pelabuhan Klang, kawasan banjir ini dia tidak kira sempadan. Jadi RM1 juta dan juga di Sungai Pinang RM1.45 juta. Jadi ini 2 projek yang akan dilaksanakan pada 2019. Melalui RTB Sungai Pinang yang bakal dilaksanakan pada 2019, pintu air Sungai Pinang akan dinaiktarafkan. Manakala pintu air Sungai Kembung, Sungai Tengkorak, Kampung Perajurit, Pangkalan Sungai Udang, Jalan Udang Galah 2 dan Kampung Baru Telok Gong akan dikaji dan dinaiktarafkan

sekiranya perlu selaras dengan pembangunan masa depan. Okay. Satu kajian dalaman bagi sistem perparitan di Kampung Sungai Pinang, Kampung Tengah ini akan dikaji keperluan menaik taraf sistem perparitan tanah ke sistem perparitan konkrit. Sistem perparitan tanah sedia ada sekiranya ia membantu dari segi skop Tebatan Banjir dan hanya sebagai langkah terakhir. Sebagai tambahan sistem perparitan Sungai Pinang, Sungai Kembung di selenggara sebanyak dua kali setahun secara kerja undi oleh JPS manakala kerja perparitan kampung nelayan bidang kuasa MPK, Majlis Perbandaran Klang.

Soalan berhubung dengan jejantas di Sekolah Kebangsaan Kampung Pendamar Klang, dan juga menaik taraf jalan Pendamar dari dua lorong kepada empat lorong. Untuk makluman Yang Berhormat soalan pertama dan kedua ini pihak JKR akan menyediakan Kertas Cadangan bagi menaik taraf jalan tersebut dan akan mengemukakan permohonan kepada UPEN dan kajian awal termasuk kesan-kesan trafik PIA menggunakan peruntukan PK1 Kerja Awalan 2019. Setelah kerja ini selesai dan sebagainya kos anggaran dah dibuat, maka kita akan angkat ke UPEN untuk dilaksanakan dalam RMK 12 nanti ya. Dan untuk makluman Yang Berhormat juga berhubung dengan kajian jalan di Kampung Teluk Nipah, banyak betul kampung, Kampung Sungai Pinang dan Kampung Semberong, Kampung Semberong pula, Kampung Kembung dan Kampung Perigi Nanas ini peruntukan RM200.000 akan diadakan untuk meningkatkan keselamatan jalan daerah Klang. Pihak JKR akan melaksanakan Audit Keselamatan Jalan mengenal pasti skop projek bagi akses kampung dan sebagainya yang berkaitan. Sikit lagi, sikit lagi ya. Untuk Yang Berhormat soalan daripada Yang Berhormat Bukit Melawati berhubung dengan kawasan banjir, JPS telah melaksanakan kajian bagi, ada tak datanya, tak ada ya? Tak ada. Maaf tak nampak, telah melaksanakan kajian bagi projek Tebatan Banjir di Kampung Rantau Panjang, walau bagaimanapun 80 peruntukan yang disediakan sebanyak RM3 juta tidak mencukupi kerana projek melibatkan pengambilan tanah berskala besar. Oleh itu peruntukan akan dimohon semula dalam RMK 12. Tak cukup. Projek menaik taraf sistem pam Kampung Asahan dijangka siap pada Mac 2019. Pihak JPS akan memastikan projek ini siap mengikut jadual dan pelaksanaan kajian mendalamkan muara Sungai Selangor akan dibuat kajian seterusnya untuk mohon peruntukan pelaksanaan.

Soalan daripada Yang Berhormat Hulu Klang berhubung dengan tanaman *moringa oleifera*. Tanaman *moringa oleifera* atau dipanggil daun kelur merupakan herba yang mempunyai potensi yang baik bagi sektor farmaseutikal boleh dijadikan produk komersial seperti minuman, sabun, losen, dan minyak terapi. Jabatan Pertanian secara dasarnya sedia melaksanakan projek herba ini di bawah peruntukan Pembangunan Tanaman Herba di dalam peruntukan ini perbelanjaan untuk melaksanakan program-program sebegini yang berpotensi di mana lokasi yang akan kita kenal pasti usahawan

dan petani yang berminat nanti ada alam peruntukan untuk pembangunan herba, tanaman herba yang begini. Soalan daripada Yang Berhormat Sementa yang terakhir ya berhubung dengan program golongan sasar bagi belia tani ataupun golongan muda ini. Siapa golongan yang layak untuk program ini di bawah Jabatan Pertanian mensasarkan untuk 2500 latihan jangka pendek bagi golongan sasar dengan sasaran 7,000 peserta untuk Tahun 2019. Ini program langkah pendek. Kita akan muat naik di dalam sesawang Jabatan Pertanian Selangor untuk dilihat dan juga dalam masa yang sama kita akan maklumkan kepada melalui Jabatan dan agensi lain dan juga melalui NGO untuk kita sebar luaskan bagi belia-belia yang berminat menyertai kursus ini. Kursus jangka pendek ini akan diadakan di pusat-pusat Pertanian daerah. Bagi kursus panjang Jabatan Pertanian menyediakan Kursus Usahawan Belia Tani bagi sektor tanaman teknologi seperti Terasi di Pusat Pertanian Kelompok Hulu Selangor selama 8 bulan. Sebanyak 1 sesi setahun. Dan kursus pembaikan jentera pertanian di Pusat Latihan Kejuruteraan Pertanian Tanjung Karang selama 4 bulan kursus ini dibuat selama 2 sesi setahun. Yang seterusnya berhubung dengan Projek Meru Puncak Alam untuk makluman Yang Berhormat tarikh siap semasa kontrak bagi projek ini adalah pada 17 Oktober 2018. Kemajuan fizikal projek ini terkini 99%. Pihak kontraktor telah dikenakan denda 9,000 sehari sehingga projek ini siap. Ada sikit lagi nak siap 1% lagi. Pada dasarnya siap projek ini dijangka di siap pada 15 Disember 2018 peruntukan RM500,000 yang disediakan pada Tahun 2019 adalah bertujuan untuk membayar akaun tamat kepada kontrak ini bayaran terakhir. Jadi itu adalah merupakan golongan atau berhubung jawapan saya kepada soalan-soalan yang telah ditimbulkan. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Silakan Yang Berhormat yang lain. Selat Kelang.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI: Y.B. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya menyentuh terus kepada soalan-soalan yang disentuh oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat:-

1. Hulu Kelang berkenaan dengan Kem Latihan Gafar Baba Kerajaan Negeri mengambil maklum berkenaan dengan cadangan untuk menjadikan Kem Latihan Gafar Baba sebagai salah satu tarikan pelancongan di Daerah Gombak khususnya Hulu Kelang. Bagi tujuan berkenaan Kerajaan Negeri perlu melaksanakan dahulu kajian secara terperinci meliputi kesesuaian konsep, pengurusan dan kos yang terlibat memandangkan kes berkenaan pada asalnya dibina bagi tujuan pusat latihan. Kepada Bukit Lanjan pula Yang Berhormat bertanya tentang mengenai lokasi pembinaan Muzium Setem dan Muzium Tekstil. Lokasi Muzium Setem Negeri Selangor adalah tidak berubah iaitu di kawasan berhampiran Pejabat Pos Besar Shah Alam. Sementara Muzium Tekstil bagi Negeri Selangor lokasinya juga tidak berubah

iaitu di Bangunan Anggerik. Bekas Bangunan Perpustakaan Raja Tun Uda yang lama bersebelahan dengan Muzium Sultan Alam Shah, dan kedua-dua lokasi dalam peringkat akhir proses *design* atau reka bentuk untuk diangkat kepada pihak yang berwajib untuk dilaksanakan. Hanya Muzium Sukan Negeri Selangor yang diubah perancangan asal dicadangkan di Bangunan Anggerik bersama sekali dengan Muzium Tekstil. Bagaimanapun Pihak MTES telah memutuskan agar tapak Muzium Sukan dipindahkan ke Stadium Shah Alam yang mana dikirakan bersesuaian. Pada masa ini PADAT sedang merundingkan dengan Darul Ehsan Management Snd. Bhd. Iaitu syarikat pengurusan Muzium tersebut. Dari Sementa berkenaan berkekalan usul-usul budaya dan warisan kampung dan juga Negeri Selangor. Program-program kebudayaan termasuk seni Negeri Selangor telah dimulakan oleh PADAT. Program yang sedang dilaksanakan kini adalah Program Semarak Warisan yang telah diadakan pada minggu kedua hari Ahad setiap bulan. Sebagai permulaan program telah diadakan di Shah Alam dan diperluaskan ke daerah-daerah termasuk di kampung-kampung yang terpilih. Permainan gasing peringkat tradisi amat popular di Kampung Kapar dan pihak PADAT pernah menganjurkan Pertandingan Gasing Pangkah Tradisional Peringkat Negeri Selangor pada 13 dan 14 Ogos yang lalu. Melalui pertandingan ini berjaya menghimpunkan Persatuan Gasing Pangkah serata Negeri Selangor. Secara tidak langsung dapat mendominasi maklumat permainan ini. Satu pratika Gasing Pangkah berjaya dibina bagi menandakan ikon permainan warisan Kampung Bukit Kapar, Klang.

2. Melestarikan tiga jenis kebudayaan iaitu untuk muzik cempuling pihak PADAT 7 Disember yang akan datang ini akan memberikan bantuan peralatan cempuling sebanyak 2 set. Iaitu satu set untuk sekolah menengah dan satu lagi untuk sekolah rendah yang telah dipilih. Buat masa ini ada satu kumpulan Cempuling yang dimainkan oleh orang dewasa. Untuk lestari kumpulan silat pula PADAT telah mengadakan mesyuarat dengan semua persatuan silat seluruh Selangor dan PADAT telah mengadakan pertandingan secara tahunan untuk seni silat ini atau silat-silat tradisional. Dan akhir sekali gasing tradisional yang ada di Bukit Kapar PADAT mencadangkan untuk mengadakan bengkel pembuatan gasing dan juga memberi bantuan untuk membekalkan peralatan pertukangan. Selain daripada itu PADAT juga telah melantik Jurutunjuk permainan ini dari Bukit Kapar untuk menganjurkan dan mengajar permainan ini di Daerah Klang dan Kuala Selangor. Dari Pelabuhan Klang berkenaan dengan Balai Raya di Kampung Pulau Indah untuk dijadikan sebuah mini Muzium. Pihak PADAT bersedia untuk berbincang dengan pemilik mini muzium di Kampung Pulau Indah bagi tujuan pembangunan.

Bagaimanapun Yang Berhormat diminta untuk memasukkan ataupun mencadangkan secara terperinci tentang tujuan pembangunan muzium tersebut untuk dibangunkan. Seterusnya berkenaan dengan Tahun Melawat Negeri Selangor daripada Y.B. Sentosa. Kerajaan Negeri mengambil maklumat dengan kepentingan menjaga kebersihan di tempat-tempat pelancongan Negeri Selangor kerana ia merupakan satu faktor penting di dalam menarik kedatangan pelancongan dalam dan luar negara. Isu kebersihan ini berhubung rapat dengan aktiviti-aktiviti pelancongan yang tidak berlesen sehingga menyebabkan soal kesihatan tidak diambil berat. Kerajaan Negeri sedang melaksanakan program pemutihan produk pelancongan di Negeri Selangor. Melalui program pemutihan produk pelancongan ini semua isu yang berkaitan dengan kebersihan, keselamatan dan pengurusan tempat pelancongan berkenaan dapat dipantau dan dikawal sedia dengan lebih teratur dan berkesan. Daripada Sentosa juga berkenaan dengan kajian tanah yang dihasilkan dan dikongsi dengan orang ramai untuk membaiki pelancongan di Negeri Selangor. Y.B. Sentosa ada membentangkan dan membangkitkan isu PADAT membuat kajian dengan dana yang tinggi tetapi sehingga kini tiada hasil kajian dikongsi dengan orang ramai. Perlu suatu tindakan segera dibaiki. Untuk maklumat Yang Berhormat sehingga kini PADAT telah menerbitkan sebanyak 31 judul buku dan jurnal. Untuk Yang Berhormat juga ke semua terbitan ini telah diedarkan ke seluruh cawangan perpustakaan Awam di Negeri Selangor dan perpustakaan negara. Dari jurnal-jurnal tersebut 6 judul buku akan dilancarkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada hujung tahun ini. Dan seterusnya akan diedarkan seperti tempat-tempat yang disebut di atas. PADAT dengan kerjasama dengan Jabatan Agama Negeri Selangor juga telah menerbitkan Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor yang akan diedarkan kepada orang ramai dan oleh dilayari laman sesawang www.jurnalselangor.com.my. Y.B. Dusun Tuan pula membangkitkan isu rekaan promosi pelancongan yang kurang menarik. Kerajaan Negeri mengambil maklum berkenaan keperluan kaedah promosi pelancongan yang menarik dan Kerajaan Negeri melalui agensinya Tourism Selangor sentiasa peka berkenaan dengan kaedah promosi yang menarik dan terkini agar mampu memberikan tarikan kepada pelancongan dalam dan luar negara. Sebelum ini usaha promosi pelancongan hanya menggunakan peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri sahaja. Justeru Kerajaan Negeri akan mengadakan kerjasama dengan kerajaan pusat melalui Kementerian pelancongan dalam memastikan promosi pelancongan Negeri Selangor menggunakan promosi terkini dan lebih menarik agar mampu menarik perhatian para pelancongan dalam dan luar negara untuk datang ke Negeri Selangor. Untuk maklumkan Yang Berhormat juga pada

masa ini sebuah syarikat penerbangan AirAsia telah mencadangkan untuk promosikan Selangor secara digital melalui promosi di dalam kapal terbang dan di luar kapal terbang. Di mana kapal terbang itu akan disampul atau *reping* dengan promosi pelancongan Negeri Selangor dan kapal terbang tersebut akan terbang di dalam dan di luar negara. Dari Sabak Bernam tak apa saya bacakan juga. Kerajaan Negeri maklum

TUAN SPEAKER: Y. B. Sabak Bernam tidak hadir hari ini.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI: Dan akhir sekali daripada Kuang. Kerajaan Negeri maklum potensi Tasik Biru Kundang sebagai satu tarikan pelancong di Negeri Selangor khususnya melalui pelancongan sukan air. Berbagai-bagai program dan aktiviti-aktiviti telah dilaksanakan melalui penganjuran Majlis Perbandaran Selayang dan agensi pelancongan yang lain. Kerajaan Negeri beriltizam untuk memastikan Tasik Biru Kundang kekal berdaya asing. Justeru itu Kerajaan Negeri melalui program pemutihan tapak dengan Negeri Selangor tidak lama lagi akan melantik operator yang akan menjawab di dalam menguruskan tasik berkenaan termasuk aspek kebersihan di kawasan di sekeliling keselamatan pengguna dan pengurusan hasil. Itu sahaja Yang Berhormat. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Silakan Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Tuan Speaker. Saya kira ada persoalan yang tidak dijawab dengan kaitan yang saya sentuh PK.13003 peruntukan pembangunan muzium-muzium daerah yang saya kira terlalu kecil RM41,500.00 itu mungkin ianya terlalu saintifik tapi kalau inilah peruntukan yang digunakan untuk yang dianggarkan untuk penyenggaraan saya kira kekhawatiran saya sekiranya kita tidak dapat menyelenggarakan muzium-muzium daerah dengan baik yang kita simpan pratikal atau koleksi yang banyak cukup berharga. Ya akhirnya memerlukan kos yang lebih tinggi di masa akan datang. Mungkin ada penyelesaian daripada EXCO.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat yang itu dibangkitkan dalam perbahasan.

Y.B. DATUK ABDUL RASHID BIN ASARI: Terima kasih. Yang Berhormat mungkin terlepas pandang. Bagaimanapun untuk maklumat Yang Berhormat peruntukan yang ada sekarang yang akan diberikan kepada portfolio saya iaitu sebanyak RM51 juta adalah untuk promosi dan *event* atau acara sahaja danan juga sedikit peruntukan untuk

pembangunan apa nama tu pembangunan produk-produk pelancongan. Walau bagaimanapun sekiranya ada tempat-tempat ataupun kawasan-kawasan Yang Berhormat mendapati sesuai untuk dibangunkan sebagai pusat pelancongan kami menerima apa sahaja cadangan kerana kami akan bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan yang mempunyai peruntukan yang banyak untuk pembangunan tempat pelancongan. Jadi kalau Yang Berhormat apa-apa cadangan silalah masukkan kepada kita dan kita akan semak dan kita akan buat tindakan yang sebaiknya. Terima kasih yang berhormat.

TUAN SPEAKER: Silakan Y.B. Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam sesi perbahasan bagi Vot. Pembangunan P.01 di bawah portfolio saya iaitu Kerajaan Tempatan Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru. Saya mulakan dengan soalan berkaitan Kerajaan Tempatan. Y.B. Bukit Lanjan membangkitkan isu berkaitan Japanese Garden di Shah Alam. Ingin saya maklumkan pembinaan taman tersebut dikawal selia oleh

TUAN SPEAKER: Y.B. Bukit Lanjan pun tiada.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Bukit Lanjan tiada ini. Ok tak apa ini pendek sahaja. Dikawalselia oleh MBSA di mana kemajuan taman ini telah melebihi 50% yang melibatkan kerja-kerja landskap, pemasangan peralatan dan penanaman pokok-pokok. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu perkhidmatan PBT. Yang Berhormat Subang Jaya meminta agar mutu perkhidmatan PBT ditambah baik termasuk SOP aduan di bawah Majlis Perbandaran Subang Jaya. Untuk makluman MPSJ, menerima kira-kira 2 hingga 3000 aduan sebulan. Oleh itu, perkara ini akan dibincangkan dengan lebih teliti bersama semua PBT-PBT dan bukan sahaja di MPSJ untuk memastikan aduan yang diterima dapat diselesaikan dengan lebih efisien dan berkesan. Yang Berhormat Sentosa mula memohon agar

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Tuan Timbalan Speaker. Saya nak buat sedikit penerangan. Sebenarnya, soalan saya berkenaan aplikasi yang saya cadangkan kepada SSDU di mana satu aplikasi telefon mungkin yang boleh memusatkan aduan dibuat untuk semua PBT sebab masalahnya walaupun kerja sudah dibuat untuk menyelesaikan masalah tetapi ia tidak diterangkan kepada pengadu dan mereka tidak tahu apa yang telah berlaku. Ya, terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Ya, soalan tersebut akan dijawab oleh YB Teknologi (IT). Yang Berhormat Kajang. YB Sentosa, memohon agar kerajaan negeri dapat membekalkan jentera berat iaitu *road sweeper* atau peralatan lain seperti *water jet* untuk kegunaan PBT yang tidak berkemampuan bagi digunakan dalam pengurusan sisa pepejal untuk pengindahan seluruh negeri Selangor sempena Tahun Melawat Selangor 2020. Seperti semua sedia maklum, pengurusan sisa pepejal di negeri Selangor dilaksanakan oleh anak syarikat kerajaan negeri iaitu KDEB Waste Management. Pada masa ini, sebanyak 8 PBT telah menggunakan khidmat KDEB selaku *project management company* untuk pengurusan sisa pepejal dan baki 4 PBT akan mula memeterai perjanjian pada tahun hadapan 2019. Saya percaya, setelah keseluruhan pengurusan sisa pepejal negeri Selangor di bawah KDEB adalah wajar untuk KDEB merancang untuk membuat pelaburan jangka masa panjang dalam perolehan aset-aset seperti jentera berat, seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sentosa dan bukan lagi tertakluk kepada peruntukan Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Pelabuhan Kelang membangkitkan kebenaran Pelabuhan Kelang, tak ada ya. So, saya *skip* dan jawab Pelabuhan Klang dan berjawab kepada soalan Yang Berhormat Kuang. Kuang pun tak ada. Tapi ini pendek sahaja. Laluan bas baru Smart Selangor di kawasan Kuang akan beroperasi pada 16 Disember 2018. Tuan Speaker, bagi lain-lain perkara di bawah Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru saya ambil maklum akan cadangan dan pandangan oleh semua Ahli Yang Berhormat, saya akan memastikan tindakan sewajarnya diambil oleh PBT-PBT yang berkaitan. Sekian terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ada membangkit perkara?

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya ada membangkitkan perkara berkaitan dengan gerai kedai-kedai yang dahulunya sebahagian di bawah PLB kemudian diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan di bawah inventori Pihak Berkuasa Tempatan. Yang pada hari ini keadaannya sangat uzur. Mungkin ada peruntukan-peruntukan yang membolehkan supaya premis-premis ini boleh digunakan sebagai *venue* kepada usahawan-usahawan kita untuk tujuan meneruskan kesinambungan punca sumber atau pendapatan mereka.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Baik. Saya ambil maklum cadangan daripada Yang Berhormat Sijangkang dan saya akan semak balik perkara ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Maknanya soalan YB Sijangkang dah 2 kali tertinggal, begitu Yang Berhormat? Saya ingat Yang Berhormat kena pindah ke sebelah sini lah. (ketawa). Sila Yang Berhormat EXCO, ada yang ni? Baik.Ya.

Terima kasih Tuan Timbalan Speaker ya. Saya ada bertanya ya, tentang kemudahan asas dalam PBT yang melibatkan PBT kemudian asas yang sekarang ini kita lihat bahawa banyak yang uzur yang perlu diperbaiki.

Saya ingat saya, kalau tak silap saya, Yang Berhormat merujuk kepada PK9 09001 Kemudahan asas PBT yang berjumlah RM2 juta peruntukan itu kan? Betul ya. Yang itu berdasarkan permohonan PBT kepada UPEN untuk pembaikan atau naik taraf jalan dan cerun bagi PBT yang berstatus Majlis Daerah. Peruntukan ini RM2 juta adalah untuk naik taraf jalan dan cerun bagi Majlis Daerah.

Cuma saya berpandangan, apa yang saya nyatakan adalah

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Pandangan Yang Berhormat?

Ya

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Pandangan ataupun pencerahan?

Pencerahan dan pandangan lah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Pandangan tidak dibenarkan Yang Berhormat.

Ok, pencerahan. Apakah ada perancangan daripada pihak EXCO sendiri, bukan sahaja pihak pejabat, bukan sahaja daerah tetapi di bandar raya, umpamanya yang nak dinaiktaraf kemudahan asas ini yang lebih elok lagi?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Bagi perbandaran dan bandar raya saya percaya PBT-PBT tersebut ada keupayaan daripada segi kewangan untuk menaik taraf kemudahan asas. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik, tidak ada Yang Berhormat EXCO yang lain ya. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Tuan, saya belum lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Oh ya. Itu pasal saya kata, sila-sila Yang terhormat Kajang. Saya tertinggal pula.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Tuan Speaker yang telah pun lupakan saya. Saya nak beri semata untuk menjawab persoalan yang timbulkan oleh Yang Berhormat terutama saya rasa untuk orang asli, saya belum jawab dalam dewan ini so saya akan jawab 3 perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sijangking, Yang Berhormat Dengkil dan Yang Berhormat Bukit Lanjan berkenaan Orang Asli. Untuk menjawab soalan timbulkan oleh Yang Berhormat Sijangking tentang bantuan kebajikan pendidikan masyarakat orang asli di Selangor terutama di Kuala Langat. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Orang Asli iaitu JAKOA, akan melaksanakan program bagi menaik taraf kehidupan Masyarakat Orang Asli terutama dari segi pendidikan dan memastikan program dilaksanakan ditetapkan. Untuk makluman Yang Berhormat, menurut data di JAKOA Negeri Selangor seramai 2536 pelajar orang asli yang berada di sekolah rendah. Manakala seramai 1267 orang pelajar orang asli yang berada di sekolah menengah pada tahun 2018. Bagi memastikan pendidikan di kalangan orang asli tidak ketinggalan dari segi, di arus perdana, JAKOA telah melaksanakan beberapa program bagi meningkatkan taraf pendidikan anak-anak masyarakat orang asli seperti berikut :

1. Program Kecemerlangan Pelajar disediakan kepada pelajar-pelajar orang asli yang akan mengambil peperiksaan umum seperti UPSR, PT3 ataupun SPM agar memperoleh keputusan cemerlang.
2. Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) berasrama harian bagi mengurangkan kadar keciciran pelajar dari sekolah rendah ke sekolah menengah. Antara sekolah yang telah dilaksanakan Konsep K9 di Selangor ialah Sekolah Kebangsaan Taman Desa Komando Kuala Langat iaitu di kawasan Kuala Langat.
3. Peluang kemasukan khas pelajar Orang Asli lepasan SPM ke Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan yang bersetuju oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.
4. Program Ijazah Luar Negara iaitu PIRM yang ditawarkan kepada pelajar orang asli cemerlang di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana yang melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi di universiti luar negara. Program ini adalah kerjasama antara JAKOA dan Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Sehingga 2018, seramai 87 pelajar Orang Asli yang telah melanjutkan pengajian di luar negara. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mengambil langkah komprehensif dan menyalurkan bantuan-bantuan bagi pendidikan anak orang asli seperti berikut:

1. Penyediaan kemudahan pengangkutan pelajar sekolah bagi anak Orang Asli yang tinggal di penempatan Orang Asli di Selangor.
2. Insentif wang saku pelajar sekolah menengah dengan kadar sebanyak RM2.00 mengikut kehadiran pelajar. RM2.00 sikit sahaja. Tapi kalau semasa musim buah-buahan ini, mereka sanggup tinggalkan kelas, pergi kutip durian ya.
3. Pembiayaan yuran persekolahan kepada pelajar orang asli yang tidak menerima bantuan. Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin iaitu KWAPM.
4. Skim Bantuan Galakan Pendidikan Biasiswa kepada pelajar Orang Asli yang melanjutkan pengajian ke peringkat Matrikulasi, Asasi, Sijil, Pra-Diploma, Diploma dan Ijazah Institut Pengajian Tinggi Awam iaitu IPTA.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi melaksanakan bantuan pendidikan yang dinyatakan di atas JAKOA memerlukan peruntukan yang lebih tinggi. Tahun 2018, JAKOA telah membelanjakan sebanyak RM2,771,979.41 bagi bantuan ini. So, bantuan pendidikan ini sukar dilaksanakan dengan lancar memandangkan peruntukan jabatan ini berkurangan tahun demi tahun. So, selepas di mana pada dahulunya JAKOA di bawah Kementerian Luar Bandar dan sekarang dimasuk bawah Kementerian Jabatan Perdana Menteri so kita akan dapatkan bantuan yang lebih daripada JPM untuk melaksanakan program ini. So, untuk menjawab soalan, pertanyaan daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan berkenaan peruntukan infrastruktur di perkampungan orang asli, saya rasa telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar..

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Speaker.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Di sini saya ada sedikit *detail* perlu dijelaskan .. ya

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Sekinchan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Ya.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Sijangkang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Speaker. Terima kasih di atas penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO. Saya ingat peruntukan cukup besar disediakan oleh kerajaan pusat cuma antara pandangan saya adalah mungkin Kerajaan Negeri juga boleh menyediakan ataupun mengadakan program untuk pendidikan anak-anak Orang Asli ini kerana kita lihat dengan jumlah 74 kampung Orang Asli, 19 buah kampung berada di Kuala Langat. Pencapaian pendidikan anak-anak Orang Asli ini masih jauh lagi tertinggal dan saya harapkan ada peruntukan tertentu atau program-program tertentu khusus untuk pendidikan, meningkatkan pendidikan Orang Asli. Terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih, cadangan Yang Berhormat Sijangkang. Saya harap juga, bukan setakat kerajaan negeri Selangor tapi juga ADUN-ADUN sendiri juga perlu mengeluarkan bantuan tahunan untuk sama-sama kita menjayakan program ini di mana kita perlu menggalakkan anak-anak Orang Asli ini supaya terus untuk belajar di sekolah. Masalah yang berlaku di semua kampung Orang Asli ini, mereka tak *consistent* untuk belajar. Kalau sampai musim buah-buahan mereka tak pergi sekolah dah sebab mereka nak pergi kebun ataupun pergi hutan-hutan cari buah-buahan hasil durian, lebih lumayan daripada RM2.00 yang kita beli itu. Sebab itu lah saya sangat-sangat berharap sebagai wakil rakyat kita perlu main peranan juga untuk sama-sama, untuk menjayakan bantu mereka supaya mereka terus *consistent* belajar di kelas-kelas yang kita sediakan. So, untuk makluman Yang Berhormat Bukit Lanjan, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa komited dalam memajukan dan mensejahterakan masyarakat Orang Asli. Di negeri Selangor terdapat 74 buah kampung Orang Asli yang diiktiraf oleh JAKOA. Berikut adalah perincian kampung yang telah dan belum dilengkapi kemudahan air, elektrik dan jalan perhubungan iaitu di Hulu Langat, Hulu Langat jumlah kampung orang asli ada 9. Bekalan air SYABAS, telah bekal 6, alternatif 3. Untuk bekal elektrik, semua ada. Semua ada. Dan untuk jalan perhubungan desa, semua ada. Untuk Hulu Selangor, jumlah kampung Orang Asli 16, bekal air 14 sudah ada, 2 masih tak ada, ada alternatif lain. Bekalan elektrik semua 16 ada. Jalan perhubungan desa semua ada 16. Untuk bahagian Sepang, ada 15 perkampungan orang asli, bekal air 13 sudah ada, 2 alternatif. Alternatif maksudnya kita, kemungkinan tidak ada bekal air SYABAS dibekalkan tetapi mereka menggunakan hidro, mini hidro untuk dapatkan air dari sungai itu. So, yang itulah yang dimaksudkan dengan alternatif. So, untuk bekal elektrik 18, ada 1 tak ada di Sepang. Masih tak ada dan untuk jalan perhubungan desa 15 semua ada. Untuk Kuala Langat dan Klang terdapat 22 perkampungan Orang Asli, paling banyak di Selangor, dan untuk bekal air 21 dah ada dah. 1 lagi alternatif untuk bekal elektrik semua ada. Untuk jalan perhubungan desa 21 ada, 2 belum ada lagi dan untuk daerah Gombak dan

Petaling ada 12 perkampungan Orang Asli, bekalan air ada, 5 dah ada, 8 alternatif. Bekalan elektrik 11 ada satu tak ada lagi. Dan untuk Jalan Purma Desa 12 semua ada. So, di mana untuk keseluruhan 74 perkampungan Orang Asli di Selangor, untuk bekalan air dari SYABAS, yang dibekalkan oleh SYABAS 59 sudah ada, 16 alternatif dapat air dari sungai dan untuk bekalan elektrik 72 dah ada hanya dua yang belum ada dan untuk Jalan Purma Desa jumlah 73, 93...73 ada dua masih tiada. Yang ini statistik bukan dengan *infra*. Pada tahun 2018 JKOA Negeri Selangor telah menerima peruntukan *Infrastructure* sebanyak.....

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Mohon penjelasan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Nanti saya, bagi saya habis dulu. Menerima peruntukan infrastruktur sebanyak RM672,200.00 yang melibatkan pelaksanaan menaik taraf jalan, bina baru dan membaik pulih balai raya daripada Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, jumlah itu tidak mencukupi bagi menampung keperluan *infra* di kampung-kampung Orang Asli di Negeri Selangor terutama bagi kemudahan keperluan bekalan air dan elektrik. So, saya haraplah di mana Persekutuan JKOA juga main peranan untuk dapatkan lebih, lebih peruntukan kewangan untuk *infrastructure* pada masa akan datang. Ya Taman Medan.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Terima kasih pada Yang Berhormat Kajang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sebelum tu, Yang Berhormat menjawab penjelasan kepada siapa tadi, Yang Berhormat?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Dengkil ini. Ini...Bukit Lanjan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Jadi Yang Berhormat tidak menimbulkan dalam isu yang dibangkitkan sebentar tadi ya?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Taman Medan tidak ada...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kalau tidak bangkit tidak ada tambahan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Mohon maaf Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, silakan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Kita bisik-bisik di luarlah nanti ya. OK. Untuk Dengkil, Dengkil tak ada. Perlu saya jawab tak? Saya jawab saya rasa perlu bagi sedikit bertanya tentang memperkasakan kraf tangan Orang Asli ya dan untuk kemajuan Orang Asli, Jabatan Orang Asli (JKOA) telah mengambil pelbagai langkah dalam memperkukuhkan dan perangsangkan pembangunan masyarakat orang asli khususnya dalam bidang ekonomi. Ini adalah penting bagi memastikan masyarakat orang asli dapat seiring dengan dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan. Dalam bidang ekonomi khususnya masyarakat orang asli telah diberikan peluang dan kemudahan untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan terutama hasil kraf tangan masyarakat tersebut. Antara langkah-langkah yang diambil oleh JKOA bagi mempromosikan dan memperkasakan kraf tangan orang asli adalah seperti berikut. Yang pertama, mengadakan Karnival Orang Asli setiap tahun. Yang kedua, melaksanakan Karnival Showcase Mini Orang Asli. Yang ketiga, menggalakkan usahawan kraf tangan orang asli menyertai program-program anjuran dari agensi Kraf tangan Kebangsaan dan penganjur dari agensi luar bagi mengetengahkan kraf tangan mereka. Yang keempat, mengetengahkan produk-produk orang asli sebagai cenderahati dalam usaha mempromosikan produk mereka. Cadangan mewujudkan *hub* perniagaan kraf tangan orang asli di lokasi Spiki RA dan di Mitsui Outlet merupakan cadangan yang baik dan kita akan menyokong tapi ia melibatkan kos sewaan tapak yang agak mahal. So, kita akan membincangkan perkara ini dengan JKOA. Adakah pihak berkenaan boleh memberi ruang yang percuma, sewa percuma ataupun dengan harga yang berpatutan kepada orang asli untuk mempamerkan ataupun menjualkan kraf tangan mereka? Tuan Speker, untuk saya nak menjawab soalan yang timbulkan oleh tentang SSDU lah, untuk Yang Berhormat daripada Subang Jaya. Mohon SSDU mengkaji untuk membuat satu aplikasi aduan untuk memusatkan dan menyelaraskan aduan daripada PBT. Sistem Pengurusan Aduan Bersepadu (SISPA) merupakan hasil penambahbaikan sistem e-SPA yang dilaksanakan secara koperasi oleh Biro Pengaduan Awam (PPA), Kementerian Kewangan (MOF) dan MAMPU. SISPA merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan untuk membaiki mutu perkhidmatan dan penyampaian dari masa ke semasa yang telah dimudah cara oleh teknologi terkini. SISPA dapat mempercepatkan dan memudahkan proses penyampaian maklumat balas kepada agensi kerajaan kerana ianya boleh dicapai oleh pengguna pada bila-bila masa sekiranya terdapat capaian internet. Mesyuarat Pengurusan Pegawai-Pegawai Kanan Pejabat SUK Negeri Selangor Bil. 3/2016 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat SUK pada 5 Ogos 2016 telah dimaklumkan bahawa BPA memilih pentadbiran SUK Selangor sebagai perintis kepada penggunaan SISMA, SISPA. Mesyuarat kemudiannya bersetuju dengan penggunaan satu sistem bersepadu yang sesuai turut dipanjangkan kepada agensi yang berkaitan. Susulan daripada keputusan mesyuarat tersebut, Bengkel Retreat Pegawai Pengaduan Awam (BPA SISPA) telah diadakan pada 2 hingga 3 Disember 2016 dan dihadiri oleh BPA

dari semua 12 PBT Selangor. Pelaksanaan SISPA di Negeri Selangor telah dibincangkan sekali lagi sewaktu Mesyuarat Pengurusan Pegawai-Pegawai Kanan Pejabat SUK Negeri Selangor Bil. 1/2017 pada 20 Januari 2017 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat SUK, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Mesyuarat tersebut sebulat suara tiada halangan supaya SISPA yang dapat menerima pelbagai kategori aduan bagi seluruh rakyat Negeri Selangor dilaksanakan dalam pengurusan aduan di Negeri Selangor yang merangkumi semua jabatan agensi termasuk badan berkanun dan anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Sehingga kini 75 jabatan ataupun agensi terlibat telah mengguna pakai SISPA dan sekurang-kurangnya 10 sesi latihan penggunaan SISPA telah diadakan dan dihadiri BPA yang terlibat. So, adakah saya telah menjawab soalan daripada Yang Berhormat?

Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE : Saya nak sedikit pencerahan sama ada agensi-agensi ini juga melibatkan PBT? Dan kalau ya, saya ada MPSJ ya, aduan dalam telefon saya tetapi lepas saya merekodkan aduan tak ada maklum balas tentang apa yang telah berlaku dengan aduan saya. So, kalau macam itu saya rasa kita perlu naik taraf aplikasi-aplikasi yang sedia ada untuk memberi maklum balas kepada pengadu-pengadu dan bukan setakat mencatat aduan itu sahaja, ya. Selangor sebagai peneraju dan pemimpin Negara Malaysia saya rasa boleh meningkatkan lagi perkhidmatan kita kepada rakyat Malaysia. Terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Subang Jaya. Kita ambil maklum cadangan ini. Saya rasa saya setuju kita ada kelemahan sebab kita baru untuk mengadakan Sistem Pengurusan Aduan Bersepadu ni, SISPA ni. Kita ambil maklum dan kita akan menaik tarafkan membaiki apa yang kelemahan sekarang ni. Bagi kita sedikit masa, kita akan membaiki segala masalah yang kita hadapi. Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat daripada Kampung Tuanku berkenaan dengan bertanya juga....

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, Kampung Tunku.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Kampung Tunku.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, bukan Tuanku.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Tengku, Tuanku, Tunku. Kampung Tunku. Hala tuju Smart Selangor berlandaskan Blueprint Smart Selangor yang diterbitkan pada 2016 perlu diteliti semula. Jadi, saya berharap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan semula dan menjalankan projek pembangunan yang bermanfaat dan mempunyai KPI yang boleh kita tunjukkan dengan jelas. Ini soalan daripada Yang

Berhormat Kampung Tunku. So, untuk menjawab soalan ni dari peringkat awal hala tuju Smart Selangor adalah untuk menaik taraf kualiti kehidupan rakyat berlandaskan teknologi dan mengamalkan konsep *cooperation*. Ianya adalah dijelaskan dalam Smart Selangor Blueprint menerusi 12 domain dan inisiatif-inisiatif yang sedang dan bakal dilaksanakan. Kami akan, kita akan memastikan bahawa setiap inisiatif yang dirancang mampu menyumbang kepada peningkatan ekonomi dan memberikan kemudahan perkhidmatan dan memperdayakan teknologi maklumat. Kita juga akan memastikan kandungan blueprint adalah seiring dengan perkembangan semasa dan hala tuju Smart Selangor untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri pintar di asia. Ramai juga bertanya tentang pasar. Laman sesawang Smart Selangor Pasar tidak menyebut tentang Smart Selangor dan kenapa Smart Selangor memasuki pasaran ni dengan *existing player*? Untuk menjawab soalan ini, laman sesawang yang dimaksudkan belum lagi dimuktamadkan. Ianya digunakan untuk SSDU melakukan sebuah projek perintis dengan kolaborasi syarikat swasta yang telah pun mempunyai keupayaan untuk menjual barangan segar daripada pasar basah secara *online*. Projek perintis ni bertujuan untuk membolehkan pemantauan harga barangan basah dan juga akan membolehkan penjualan barangan segar daripada para petani Selangor terus kepada pengguna iaitu *farm to table*. Beberapa unsur penambahbaikan telah pun dikenal pasti sebelum ianya dapat boleh diperluaskan ke seluruh Selangor. So, saya harap saya sudah dapat menjawab soalan Yang Berhormat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker. Berkenaan dengan kes smartselangorpasar.com saya baru *check i mean* dulu saya pun dah *check* tapi pengumuman untuk Smart Selangor Pasar itu dibuat pada bulan Oktober 2018 dan berita pada Selangor Kini itu juga menggalakkan orang ramai untuk mengunjungi laman web smartselangorpasar.com. Dan masalahnya pada saya apabila kamu memuat naik laman web itu, tak nampak *branding*, dengan izin Smart Selangor tak ada apa-apa yang menunjukkan ia projek Smart Selangor. Jadi, saya rasa kalau ia dalam proses atau fasa rancangan lebih baik jangan umumkan sebab ia macam menunjukkan macam imej yang tak baik kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk *partner*, dengan izin dengan *cooperate* tanpa ada manfaat kepada Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Yang Berhormat Kampung Tunku, kita masih dalam proses percubaaan, belum muktamad lagi. So, kita sepatutnya belum, tidak boleh melancarkan tentang ini. Tapi kita akan selesai masalah yang kita hadapi dan kita harap tahun depan kita akan melancarkan yang ni, yang laman sesawang ni. So, untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, Kampung....Yang

Berhormat Kuang. Kuang yang tak ada di sini. Tentang jalur lebar di kampung-kampung. Buat masa ini MBI Selangor masih dalam perbincangan dengan pihak TM untuk mengenal pasti *fibrillization plan* TM untuk tahun 2019 dengan 2020. Dari segi pemasangan SS Point, pihak MBI juga sedang berbincang dengan TM untuk mengenal pasti kaedah yang boleh membantu bagi mempercepatkan perkhidmatan jalur lebar dipasang di kawasan strategik terutama tempat tumpuan awam di luar bandar dan termasuk di Kuang. Kerajaan Negeri Selangor sedang bekerjasama dengan Telekom Malaysia dan pihak-pihak yang terlibat untuk mendapatkan peruntukan pelan gantian optik dan kesalihan hubungan negara iaitu NSCP dari Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (USP Fund) untuk memastikan liputan fiber di kawasan industri yang berpotensi dan juga kawasan bandar. Pada masa yang sama MBI melalui anak syarikatnya iaitu Smart Sel sedang membangunkan rangkaian jalur lebarnya sendiri. Smart Sel mempunyai perancangan lima tahun di mana akan terdapat 12 *note* atau pusat rangkaian yang dibina secara berperingkat di seluruh Negeri Selangor. Perkhidmatan pertama dari Smart Sel dijangka dilancarkan dalam suku pertama tahun 2019 dan pusat rangkaian yang akan dibina pada tahun 2019 adalah di Shah Alam, Klang dan Kuala Selangor. Seterusnya, untuk menjawab soalan yang timbulkan oleh Yang Berhormat Bukit Melawati berkenaan *wifi* di perpustakaan. Kerajaan Negeri Selangor akan berbincang dengan pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor berkenaan pemasangan *wifi* di perpustakaan desa di DUN Melawati. So, saya harap Yang Berhormat sabar. Kita akan buat yang terbaik untuk menyalurkan, memasang *wifi* ni di semua perpustakaan awam di Selangor. Isu yang akan saya bangkit, jawab di sini berkenaan dengan untuk...Yang Berhormat Sijangkang juga. Tentang berkaitan cadangan penanaman pokok bakau yang lebih sistematik. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pengurusan hutan paya laut pada masa sekarang berada di tahap terbaik di mana Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor telah berjaya mengekang pencerobohan dan penebangan kayu bakau secara haram dengan menubuhkan pangkalan operasi penguatkuasaan bertempat di Telok Gong iaitu di kompartmen 55, Hutan Simpan Teluk Gedung. Dengan adanya pangkalan operasi penguatkuasaan ni kemasukan kayu jaras bakau dari negara jiran dan penebangan kayu bakau dapat dibendung dengan berkesan. Bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan udara, JPS, JPNS dengan kerjasama Ibu pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia telah membangunkan dua sistem pemantauan udara bagi meningkatkan keupayaan pemantauan kesalahan hutan serta sebarang perubahan liputan kawasan hutan. Sistem yang dibangkit, dibangunkan ialah *Forest Monitoring Using Remoter Sensing (FMRS) plus* yang boleh dicapai oleh Pengurusan Tertinggi Jabatan selain Pegawai Penguatkuasaan di peringkat Jabatan Perhutanan Negeri. Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sedang memfokuskan kepada penanaman spesis bakau di Beting Labu Lemak iaitu di Hutan Simpan Pulau Klang yang berhampiran dengan Pulau Ketam yang bertujuan untuk

memulihkan kawasan tersebut dan seterusnya dijadikan sebagai kawasan petak contoh hutan paya laut. Berbagai spesis hutan paya laut telah dan akan ditanam di kawasan tersebut yang berkeluasan lebih kurang 10 hektar. Selain itu, pihak JPNS telah juga melaksana projek penanaman spesis bakau serta spesis-spesis yang bersesuaian dengan hutan paya laut di semenanjung, di sepanjang pesisir pantai Negeri Selangor. Bagi pelaksanaan program tersebut pula, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Tanam Pokok Negeri Selangor 2018 bertempat di Hutan Simpan Sepang Kecil iaitu 4,000 pokok bakau ditanam dan Hari Hutan Antarabangsa, Hari Konservasi Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2018 sebanyak 5,000 ekor, pokok bakau ditanam. Dalam melaksanakan program pemeliharaan dan pemuliharaan hutan paya laut, pihak JPNS sentiasa memfokus serta keutamaan untuk dilaksanakan di dalam hutan simpan kekal serta tanah kerajaan berbanding dengan tanah hak beri milik. Ini termasuk juga program pemulihan ke atas kawasan-kawasan terpenting di Selangor. Jelas ya? Ok, untuk soalan yang terakhir, jawapan terakhir berkenaan dengan...soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan tentang penyelesaian perwatakan keluar Hutan Simpan Bukit Lagong bagi tujuan pembangunan. So, saya rasa banyak Ahli Yang Berhormat tersalah faham di mana mengapa ada keperluan kita nak mengeluarkan Hutan Simpan Lagong ni? Kerana kita nak selesai masalah yang timbul sejak tahun 2003. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2003 saya belum jadi Wakil Rakyat lagi dan kita, Pakatan Harapan belum lagi untuk menerajui Kerajaan Negeri Selangor. So, pada tahun 2003 kerajaan pada masa itu melalui Mesyuarat MMKN telah pun memberi tujuh, lapan plot tanah Bukit Lagong kepada syarikat swasta dan juga PKNS. So, dalam mesyuarat yang akan datang kita, yang lepas MTES kita cuba selesai masalah ni sebab kita tak mahu masalah ni berlarutan. Dah 15 tahun sampai sekarang tak boleh selesai masalah kita hadapi.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Ya.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya ingin menyoal rasional yang disebut oleh Yang Berhormat Kajang bahawa kerana ini adalah kes yang lama pada tahun 2003 maka inilah kes yang tertinggal. Tetapi saya ingin merujuk kepada satu kes di mana ianya berlaku sebelum sebagai contoh ya, sebelum kebanyakan Yang Berhormat di sini masuk dalam Dewan ini iaitu sebelum tahun 2008 di mana Hutan Simpan Kota Damansara juga pernah diberi milik kepada PKNS, PNSB dan lain-lain kepada GLC-GLC tetapi selepas kita menjadi kerajaan kita mengubah keputusan kerajaan sebelum itu dan kita memastikan bahawa kawasan yang telah diberi milik itu

digazet semula sebagai hutan simpan. Jadi, saya rasa mungkin penjelasan Yang Berhormat Kajang itu *it works both ways*, dengan izin.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Lanjan. Saya belum lagi masuk jawapan saya lagi. Ok, untuk Yang Berhormat Bukit Lanjan berkenaan dengan penyelesaian pewartaan keluar Hutan Simpan Bukit Lagong bagi tujuan pembangunan ya. Yang pertama, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sangat komited dalam mengekalkan 30% hutan simpan kekal di negeri. Bagi menjayakan hasrat ini mana-mana projek atau dasar yang diputuskan oleh kerajaan terdahulu akan dilihat semula dan diangkat untuk dipertimbangkan Kerajaan Negeri pada hari ini demi memastikan alam sekitar di negeri ini terus dipelihara. Sehingga hari ini peratusan pengekalan hutan simpan kekal di Negeri Selangor adalah sebanyak 31.5% dengan jumlah keluasan 250,209 hektar. Itu 250,209 hektar. Berdasarkan kepada keputusan MMKN Ke-19/2003 bertarikh 13 Ogos 2003 yang telah disahkan oleh MMKN Ke-20/2003 bertarikh 29 Ogos 2003, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor diminta untuk mewarta keluar sebahagian Hutan Simpan Bukit Lagong seluas lebih kurang 28.3 hektar iaitu 70 ekar kepada Perbadanan Negeri Selangor (PKNS). Namun, proses pewartaan keluar tidak dapat dilaksanakan pada waktu tersebut disebabkan terdapat beberapa masalah teknikal. Namun demikian, berdasarkan kepada Seksyen 12 Enakmen Pemakaian Akta Perhutanan Negara 1985, tanah hutan simpan kekal yang terlibat perlulah diganti dengan keluasan kelulusan yang sama atau lebih sebagai hutan simpan kekal. Untuk makluman, kedua-dua proses ini iaitu warta keluar dan warta masuk hendaklah dilaksanakan secara serentak. Merujuk kepada akta ni pihak PKNS telah diminta untuk menyediakan penggantian tanah bagi pengambilan sebahagian tanah Hutan Simpan Kekal Bukit Lagong dengan memastikan keluasan yang sama atau lebih. Selaras dengan pemakaian enakmen ini, JPNS telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama JPNS bagi menetapkan tanah penggantian dan hasil perbincangan yang tuntas kedua-dua telah bersetuju bagi cadangan kawasan penggantian tanah yang terletak di Daerah Hulu Langat dengan keluasan 77.18 ekar iaitu lebih 7.18 ekar atas pertimbangan bagi cadangan kawasan tersebut adalah kerana ianya sangat strategik iaitu bersebelahan dengan Hutan Simpan Kekal Sungai Lalang dan Kerajaan Negeri menerima 77 ekar berbanding 70 ekar yang diwartakan keluar daripada Hutan simpan Bukit Lagong. Untuk makluman Yang Berhormat, hutan simpan kekal yang diganti tu adalah terletak di Broga. Biar saya habis dulu. Sehubungan itu, MMKN Ke-34/2018 bertarikh 31 Oktober 2018 telah meluluskan penyelesaian kes ke atas permohonan pelupusan secara pemilikan tanah di bawah Seksyen 76, Kanun Tanah Negara di atas sebahagian tanah Hutan Simpan Bukit Lagong dengan penggantian bagi tujuan pembangunan. Tanah penggantian yang dipertimbangkan adalah di kawasan Broga, PT 37790, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat dengan keluasan 77 ekar. Atas pertimbangan pewartaan keluar Hutan Simpan

Bukit Lagong adalah seperti berikut. Kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Lagong telah dizonkan oleh Majlis Perbandaran Selayang (MPS) sebagai zon kediaman dan komersial.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Dan bukannya zon hutan. Selain itu juga, bagi saya habis dulu.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker. *No, no.* Saya nak rujuk kepada *point* tentang *zoning* sebelum Yang Berhormat pergi ke topik-topik lain.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Adakah Yang Berhormat akan jawab ataupun ada jawapan?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Dua beza. Bagi saya habis dulu ya? So, untuk....sampai mana dah? Selain itu juga, kawasan sekeliling Hutan Simpan Kekal Bukit Lagong telah dibangunkan sebagai kawasan kediaman dan pembangunan komersial. Yang kedua, merujuk kepada Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang 2020 yang telah diwartakan pada 20 Januari 2011 iaitu nombor warta 1411 tapak yang dipohon terletak di dalam blok perancangan iaitu BPK94 – Hutan Simpan Bukit Lagong telah dizonkan untuk kediaman. Kerajaan Negeri pada hari ini amat menitikberatkan isu-isu berkaitan pemuliharaan alam sekitar. Tindakan yang diambil pada masa ini adalah merupakan proses pemutihan bagi kerja-kerja yang telah tertanggung selama ini di mana ianya perlu diselesaikan dengan mengambil kira aspek keseimbangan pembangunan Negeri Selangor yang merupakan sebuah negeri termaju serta mempunyai kepadatan penduduk yang tertinggi di samping memberi keutamaan terhadap kelestarian alam sekitar.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sila, sila.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : So, saya merujuk balik kepada *point* tentang Rancangan Tempatan dan juga *zoning*. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kajang iaitu kawasan tersebut adalah dizonkan sebagai kawasan perumahan. Sebenarnya ada di dalam Akta Perancang Bandar dan Desa 1976, Seksyen 59 dan khususnya Seksyen 18 (3) menyatakan ini saya ringkaskanlah. Bahawa, walaupun satu tempat dizonkan untuk kegunaan untuk kes ini perumahan

tetapi ianya tidak menjejaskan penyambungan penggunaan iaitu dengan izin, *continuous usage* dan ia juga tidak memaksa pemilik tanah dalam kes ini iaitu Kerajaan Negeri Selangor untuk mengikut *zoning* yang diluluskan melainkan kalau pemilik tanah itu menjalankan pembangunan yang baru. So, maksudnya adalah Kerajaan Negeri masih boleh menggunakan kawasan tersebut walaupun dizonkan sebagai perumahan sebagai hutan simpan kecuali Kerajaan Negeri ada rancangan, pelan ataupun telah jual tanah dan sebagainya kepada pihak yang lain. Jadi, untuk menggunakan ulasan *zoning* sahaja itu memang tidak mencukupi. Jadi, satu lagi perkara Tuan Speaker dan juga Yang Berhormat Kajang, kita juga dalam Dewan Yang Mulia ini telah menanya Kerajaan Negeri bolehkah cadangan untuk memberi milik kepada PKNS ini diubah kepada satu keputusan di mana tanah yang lain selain daripada Hutan Simpan Bukit Lagong ini, tanah yang lain boleh diganti supaya kita tidak keluarkan Hutan Simpan Bukit Lagong ini. Walaupun ianya 20 ekar, maaf 20 hektar tetapi ianya adalah satu hutan simpan yang itu sajalah dekat Selayang yang juga sangat penting yang ada satu sejarah yang sangat lama iaitu sejak pemerintahan British. Jadi, memang kita dalam Dewan yang ini telah memohon supaya Kerajaan Negeri mengubah pemberi milikan ini kepada tanah-tanah kerajaan yang lain yang tidak merupakan tanah hutan simpan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Ya, Bukit....Bukit Gasing, tak mahu?

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Boleh saya dapat pencerahan apakah lapan syarikat yang dikatakan diberi kelulusan, adakah mereka sudah diberi hak milik tanah tersebut dan keduanya tapak ganti yang dikatakan di Broga, apakah situasi tanah tersebut? Adakah dia hutan? Adakah dia hutan yang belum digazet ataupun adakah dia tanah kosong ataupun adakah dia tanah pertanian? Terima kasih. Ataupun adakah dia tanah orang asli?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Ok. Terima kasih. Jawapan pertanyaan daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan dan juga Bukit Gasing. Dua-dua bukit ni sebab mereka sangat prihatin terhadap bukit. So, untuk makluman Yang Berhormat Bukit Lanjan, saya rasa kita tak perlu khuatir sangat. Kita ada sesi *enquiry, public enquiry* so segala pandangan kita ambil kira. Kalau mereka betul-betul nak, tidak setuju, bagi alasan yang kukuh, kita bincang. Kita akan bincang dan keputusan akan dibawa ke MMKN. Kita akan buat keputusan. So, keputusan belum muktamad lagi. Yang ni kita kata kita akan melangkah terus ambil rampas tanah hutan kekal. Tak ada, tidak. Hanya sekarang proses *public enquiry*. Saya rasa Selangor merupakan satu-satu negeri yang mengadakan proses ini. Tak ada negeri lain. Hanya Selangor. Terunggul di Selangor. So, jangan risau. Segala pandangan, segala pandangan daripada NGO-NGO, persatuan penduduk dan juga Ahli Yang Berhormat datanglah bagi pandangan.

Kita akan ambil kira dan kita akan buat satu keputusan yang konkrit di MMKN, so jangan risau. So, untuk menjawab soalan yang.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Kajang, saya persilakan duduk sebentar. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari dengan ini saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 petang)

(Dewan Disambung Semula)

(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)

TUAN SPEAKER : Saya menjemput Yang Berhormat Kajang untuk sambung yang belum habis tadi.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin sambung jawapan saya berkenaan dengan Hutan Simpan Kekal di Bukit Lagong yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan dan juga Bukit Gasing yang bertanya tentang maklumat tentang keadaan tanah yang akan ditukar status so untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Bukit Lanjan. Plot Tanah Bukit Lagong ini jumlah ada lapan plot, kalau kita ikut tengok keadaan sekarang ini di mana yang lapan merupakan PKNS utara selatan dikelilingi oleh perumahan so ini merupakan satu tapak di mana Hutan Simpan Kekal dikelilingi oleh perumahan. Ia tidak sesuai lagi untuk dijadikan Hutan Simpan Kekal kerana kita kluatir pada masa akan datang ia akan dicerobohi oleh orang-orang penduduk sekitar kerana kita kalau jangan tengok apa yang buat laporan di The Star saya hendak menunjukkan satu *waterfall* tidak sana tidak ada *waterfall* tidak ada penempatan orang asli hanya hutan biasa dan yang kita hendak gantikan merupakan hutan di Broga yang lebih sesuai di gazetkan sebagai Hutan Simpan Kekal kerana di Broga merupakan hutan sedia ada tetapi belum di gazetkan dan ia juga dekat dengan sebelah Hutan Simpan Kekal jadi yang itu patut dikekalkan dan tanah keluasan lebih besar daripada apa yang bandingkan dengan Plot di Bukit Lagong. Saya harap Yang Berhormat jangan salah faham. Kita tidak sewenang-wenangnya wartakan keluar Hutan Simpan Lagong ini. Apa yang kita hendak buat penyelesaian keseluruhan isu ini sudah timbul lama 15 tahun dan saya kena mengakui masalah teknikal yang kita hadapi walaupun tanah itu belum di gazetkan dikeluarkan sebagai Hutan Simpan Kekal tapi PKNS sudah dapat kebenaran merancang KM, itu masalah yang kita hadapi dan

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Lanjan.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan. Ya belum lagi. Belum bersedia.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Bagi saya habis. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Lanjan dalam rancangan tempatan, Majlis Perbandaran Selayang MPS telah menzonkan tempat ini Hutan Simpan Kekal sebagai

kediaman kerana ia tidak sesuai lagi dikekalkan sebagai Hutan Simpan Kekal kerana sekelilingi dipenuhi perumahan, seluruh so kita kkuatir kalau kita kekalkan apa yang akan berlaku penduduk akan cerobohi tanaman-tanaman kerana terlalu dekat dengan perumahan. Sebab itu kita hendak pelihara satu hutan yang lebih kita perlu untuk dijadikan Hutan Simpan Kekal iaitu Broga Hill di bawah Broga Hill ada sebidang tanah yang dipunyai oleh PKNS juga. Itu merupakan tanah hutan tapi belum digazetkan ada bukan botak bukan batu bata ia hutan itu ada nilai untuk dikekalkan sebagai Hutan Simpan Kekal kalau di *comparekan* dengan Bukit Lagong.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Ya silakan Bukit Lanjan.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Kajang. Tadi Yang Berhormat Kajang telah sebut isu ini adalah kerana PKNS telah mendapat bukan sahaja geran saya difahamkan apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Kajang tetapi ada kebenaran merancang tetapi kes ini saya sekali lagi rujuk kepada kawasan yang sekarang dikenali sebagai Hutan Simpan Kota Damansara di mana lebih daripada sama juga hampir 15 tahun yang lalu mereka telah memberi milik Hutan Simpan di keluar gazet dan sebagainya dekat Kota Damansara tetapi akhirnya Kerajaan Negeri membuat keputusan pada tahun 2008 untuk menggazetkan semula dan untuk membatalkan KM kepada dan juga hak milik yang di pegang oleh PKNS, PNSB dan sebagainya. Jadi saya rasa penjelasan Yang Berhormat Kajang itu bagus tetapi kita pernah ada residen yang lebih baik di mana kita mengubah zon dan juga kita gazet semula kawasan tersebut. Berkenaan tentang tanah ganti dekat Broga yang dipunyai tanah tersebut di punyai oleh PKNS saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Kajang adakah tanah tersebut merupakan tanah yang pada asalnya tanah gantian untuk menyelesaikan kes pemindahan kampung orang asli. Kalau saya tidak silap satu ketika PKNS pernah mencadangkan tanah tersebut sebagai satu tapak tanah ganti untuk satu kampung orang asli.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Lanjan. Kes Bukit Lagong ini berlainan apa yang berlaku sebelum di Kota Damansara di mana Kota Damansara tidak ada tanah gantian ia untuk dikembalikan sebagai Hutan Simpan Kekal tetapi yang ini kita keluarkan tapi kita ganti dengan Hutan Simpan Kekal yang lebih luas, yang lebih bernilai untuk di jadikan Hutan Simpan Kekal kalau dibandingkan dengan Bukit Lagong. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Lanjan bukan saya rasa tidak ada bukan yang dimaksudkan tidak ada penempatan orang asli yang disebutkan tanah itu, ini tanah yang berlainan kepunyaan PKNS yang di mana ia perlu segera di wartakan sebagai Hutan Simpan Kekal kerana kita hendak jadikan Broga Hill ini satu tempat riadah dan tempat yang perlu di peliharaan untuk selamalamanya kerana Broga Hill ini famous untuk pendaki-pendaki gunung terutama sekali

isteri saya suka untuk mendaki gunung, Broga Hill ini menjadi suatu tumpuan di mana di Semenyeh tempat pelancongan di mana setiap pagi beribu-ribu orang datang untuk mendaki mengunjungi tempat ini dan tempat ini perlu segera diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal terutama hutan di sekeliling tempat itu.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya punya soalan saya sentuh PK8, PK12 Alam Sekitar. Ada jawapan Untuk Hulu Kelang. Ada.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Saya harap penjelasan ini jelas dan jangan risau di mana kita akan bagi satu tarikh untuk *public inquiry*, pendengaran awam di mana saya akan *chair* dengan oleh saya dan juga dengan EXCO menjada infrastruktur di mana kita akan dengan pandangan, cadangan dari semua pihak termasuk semua penduduk termasuk ahli yang berhormat datang dan kita akan membuat keputusan Mesyuarat akhir di MMKN so belum muktamad lagi jangan risau so kita harap proses-proses yang perlu kita ikuti dan Selangor berlainan dengan negeri lain kita hanya salah satu negeri satu negeri sahaja yang mencadangkan proses ini di mana kita gantikan dengan Hutan Simpan yang lebih besar sama lebih besar kita adakan *public inquiry* negeri lain tidak ada so kita kena ada telus untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Hulu Kelang ini cerita lama juga pengimportan sampah sisa plastik yang perlu dikawal supaya tiada lambakan. Kerajaan Negeri melalui PBT sentiasa melaksanakan operasi secara bersepadu dijalankan dengan kerjasama daripada agensi teknikal iaitu Lembaga Urus Air Selangor, Pejabat Tanah Daerah, Tenaga Nasional Berhad, TNB, Syabas dan agensi- agensi lain berkaitan tindakan yang akan diambil terhadap kilang-kilang yang dikenal pasti memproses sampah import secara haram iaitu menghentikan operasi kilang-kilang berkaitan. Cadangan seperti sitaan terhadap barang-barang dan menarik semua lesen yang diberikan ke atas kilang tersebut akan diambil terhadap kilang yang memproses sampah import secara harap atau kilang yang tidak patuh kepada syarat yang dikenakan oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu JAS. Selain daripada itu Kerajaan Negeri juga turut menyokong Kerajaan Persekutuan dalam memperketatkan syarat bagi kelulusan lesen mengimport sisa plastik dari luar negara bagi menangani lambakan sisa plastik itu. Untuk makluman Yang Berhormat apa yang berlaku sekarang selepas kita kita tutup so ada yang *complain* sisa plastik terbiar di sana so menjadi masalah alam sekitar dan kita memikir dua cara, yang pertama yang sisa plastik yang kita sita ini akan di jual kepada kilang yang sah yang ada lesen supaya sisa ini dapat dikurangkan dan ada cadangan kedua supaya kita sediakan satu tempat yang besar untuk longgokan plastik sisa ini setempat dan mereka akan jual kepada kilang plastik yang sah. Ya.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Soalan tambahan Speaker.

TUAN SPEAKER : Silakan Hulu Kelang.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Yang Berhormat EXCO saya rasa saya timbulkan isu laporan daripada NGO, Green Peace yang mendedahkan perkara yang agak baru yang memberikan sokongan kepada Kerajaan dan Kerajaan patut memberikan sokongan untuk menjadikan agenda yang penting dan kemudian pergerakan mereka sangat licik mereka ada mula-mula beroperasi di Pulau Indah, Telok Panglima Garang, Jenjarom dan kemudian berada di Kuala Kubu Baharu. Jadi pendekatan itu perlu direkodkan penghargaan kita kepada Green Peace NGO yang membuat kajian ini dan membantu kita menangani.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih. Kita mengalu-alukan NGO dan kita menghargai apa yang dilakukan oleh Green Peace dan untuk makluman Yang Berhormat apa yang dibuat oleh Green Peace ini gambar-gambar ini adalah gambar dahulu bukan sekarang. Ini berlaku pada bulan Jun, Julai dan Ogos dan selepas itu kita buat sitaan, kita buat kompaun keadaan terkawal sekarang dan kita juga tutup kilang untuk potong eklektik, potong air so mereka tidak boleh jalankan operasi lagi so ini kita hargai apa yang dilakukan oleh NGO terutamanya Green Peace dan kita akan membuat untuk tinjauan dan juga pemantauan dari semasa ke semasa supaya pastikan kilang haram ini tidak dioperasi lagi yang ada operasi merupakan kilang yang sah, yang ada lesen, yang mematuhi pawainya daripada Jabatan Alam Sekitar so saya harap dengan penjelasan ini Yang Berhormat faham usaha yang telah dilakukan kita memang tidak benarkan plastik haram ini bertapak di Selangor. Kita akan usaha sedaya upaya memastikan udara kita segar, udara kita tidak dicemarkan oleh bahan-bahan sisa buangan plastik ini. Sekian.

TUAN SPEAKER : Selesai ya Yang Berhormat. Ahli- ahli Yang Berhormat sekalian adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi bahawa menurut Seksyen 9 Sub Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 Dewan ini membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Bilion Dua Ratus Lapan Puluh Juta dinyatakan dalam anggaran perbelanjaan pembangunan tahun 2019 yang dibentangkan di hadapan Dewan mengikut Seksyen 4() Akta yang sama di mana terdapat di jadual hendaklah diluluskan. P01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Ringgit Malaysia Lapan Ratus Lima Puluh Lapan Juta Dua Ratus Tiga Puluh Dua Ribu. P04 Perbendaharaan Negeri Selangor Ringgit Malaysia Dua Juta. P08 Jabatan Pertanian Negeri Selangor Ringgit Malaysia Lima Belas Juta Tujuh Ratus Sembilan Puluh Ribu. P10 Jabatan Perhutanan Negeri

Selangor Ringgit Malaysia Lima Juta Enam Ratus Ribu. P12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor Ringgit Malaysia Satu ratus Sembilan Puluh Empat Juta. P13 Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor Ringgit Malaysia Lapan Puluh Sembilan Juta Dua Ratus Ribu. P14 Jabatan Agama Islam Selangor Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Juta. P16. Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor RM2 juta 720 ribu, P17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor RM6 juta 458 ribu. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. **YA**.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**.

Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya usul No 16 Tahun 2018, Usul Resolusi Dewan Negeri Selangor Bagi Pengesahan Pewujudan Kumpulan Wang Pinjaman Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan di Bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya sukacitanya memohon membawa satu usul di dalam Dewan yang mulia ini yang berbunyi seperti berikut:- “Bahawa Dewan Negeri Selangor yang bersidang pada hari ini, bersetuju untuk membuat suatu ketetapan selaras dengan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 seperti yang berikut: Mengesahkan pewujudan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan yang mana Kumpulan Wang ini telah diwujudkan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 yang ditentukan dalam Jadual Ketiga”. Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Akaun Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan merupakan Akaun Amanah Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada anggota Perkhidmatan Awam Negeri, Ahli Pentadbiran Negeri, Ahli Dewan Negeri Selangor dan pekerja Badan Berkanun Negeri (Lembaga Urus Air Selangor dan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sahaja).

Ahli Yang Berhormat sekalian, Sumber kewangan Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan dan bayaran balik pinjaman perumahan serta wang lain yang diterima bagi maksud Kumpulan Wang ini. Penggunaan wang di dalam Kumpulan wang ini digunakan dan diperuntukkan bagi maksud memberikan pinjaman mengikut apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut bagi pemberian pinjaman perumahan kepada peminjam. Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 memperuntukkan:- “Dewan Undangan bagi sesebuah Negeri, selain daripada Sabah dan Sarawak, boleh dari semasa ke semasa dengan resolusi menentukan kumpulan wang bagi maksud-maksud seksyen ini dan subseksyen-subseksyen (1),(b),(ii),(2) dan (3) sekali lagi subseksyen-subseksyen (1),(b),(ii),(2) dan (3)hendaklah dipakai kepada kumpulan wang tersebut sebagaimana terpakai kepada kumpulan wang yang

ditentukan dalam Jadual Ketiga”. Dalam hal ini, Akaun kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ini perlu disahkan pewujudan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan yang mana Kumpulan Wang ini telah diwujudkan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 yang ditentukan dalam Jadual Ketiga.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, maka dengan itu saya mohon mencadangkan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang telah di bawah oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar iaitu Usul Resolusi Dewan Negeri Selangor Bagi Pengesahan Pewujudan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan di Bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Oleh itu saya kemukakan usul ini untuk dibahaskan sekiranya ada.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi: “Bahawa Dewan Negeri Selangor yang bersidang pada hari ini, bersetuju untuk membuat suatu ketetapan selaras dengan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 seperti yang berikut: Mengesahkan pewujudan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan yang mana Kumpulan Wang ini telah diwujudkan di bawah Akta Tatacara Kewangan 1957 yang ditentukan dalam Jadual Ketiga”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata **YA**. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Usul ini dipersetujui.**

SETIAUSAHA : Usul seterusnya usul nombor 17 Tahun 2018, Usul Resolusi Dewan Negeri Selangor bagi Penutupan Akaun Pinjaman Diraja di Bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan sukacitanya memohon membawa satu usul di dalam Dewan yang mulia ini yang berbunyi seperti berikut:- “Bahawa Dewan Negeri Selangor yang bersidang pada hari ini, bersetuju untuk membuat suatu ketetapan selaras dengan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 seperti yang berikut: Menutup Akaun Pinjaman Diraja dan segala baki wang di dalam akaun ini dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri. Sekiranya terdapat keperluan untuk membuka semula akaun ini pada masa akan datang ia hendaklah dilaksanakan dengan teratur berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa”.

Tuan Speaker, Akaun Pinjaman Diraja merupakan Akaun Amanah Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 (berdasarkan

pelaporan di dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor beraudit yang di kelaskan di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan).

Cadangan penutupan Akaun Pinjaman Diraja ini diangkat untuk pertimbangan atas justifikasi berikut:

Pertama Tiada punca kuasa yang menyatakan dengan jelas tujuan, sumber kewangan dan kegunaan akaun ini. Ke dua tiada ahli Jawatankuasa Pentadbir Akaun Amanah yang boleh membuat keputusan ke atas pengurusan akaun amanah ini dan ke tiga Akaun Amanah ini sering menjadi pertanyaan pihak Jabatan Audit Negara Negeri Selangor kerana tiada pergerakan dari tahun 2003 dan tiada rekod yang sempurna bagi membolehkan pengauditan dapat dilaksanakan oleh pihak Audit.

Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 memperuntukkan: “Dewan Undangan bagi sesebuah Negeri, selain daripada Sabah dan Sarawak, boleh dari semasa ke semasa dengan resolusi menentukan kumpulan wang bagi maksud-maksud ini dan subseksyen-subseksyen (1),(b)(ii),(2) dan (3) hendaklah dipakai kepada kumpulan wang tersebut sebagaimana terpakai kepada kumpulan wang yang ditentukan dalam Jadual Ketiga”.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka dengan itu saya mohon mencadangkan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini adalah suatu usul yang telah di bawa oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar iaitu Usul Resolusi Dewan Negeri Selangor Bagi Penutupan Akaun Pinjaman Diraja Di Bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Oleh itu saya kemukakan usul ini untuk dibahaskan sekiranya ada.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah suatu usul yang berbunyi: “Bahawa Dewan Negeri Selangor yang bersidang pada hari ini, bersetuju untuk membuat suatu ketetapan selaras dengan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 seperti yang berikut:

Menutup Akaun Pinjaman Diraja dan segala baki wang di dalam akaun ini dipindahkan ke Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri. Sekiranya terdapat keperluan untuk membuka semula akaun ini pada masa akan datang ia hendaklah dilaksanakan dengan teratur berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. **YA.** Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK. Usul ini dipersetujui.**

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat yang seterusnya Usul nombor 18 Tahun 2018, Usul pelantikan dua orang ahli Dewan Negara bagi Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dimaklumkan dua orang ahli Dewan Negara bagi Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan iaitu Yang Berhormat Senator Tanmorhan A/L ES Tambyraja dan Yang Berhormat Senator Dr Mohd Nor Maruti @ Mohd Nor Maruty yang dipilih oleh Dewan Negeri Selangor menurut perkara 45(1) dalam perlembagaan Persekutuan akan tamat tempoh perkhidmatan mereka sebagai Ahli Dewan Negara mulai 6 Disember 2018. Mengikut peruntukan sub perenggan 1 (2) Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan pemberitahuan menghubungkan perkara ini telah dihantar kepada semua Ahli Yang Berhormat bagi mengemukakan pencalonan. Saya telah pun menerima dua pencalonan bertulis yang telah dicadang dan disokong oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri dan juga telah diterima dan ditandatangani oleh kedua-dua calon tersebut. Baiklah sekarang saya mempersilakan pencadangan pertama Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu untuk mengemukakan cadangan.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG : Tuan Speaker saya mohon mencadangkan bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan memilih Surih Singh A/L Rapal Singh sebagai ahli dewan negara mewakili Kerajaan Negeri bagi tempoh selama 3 tahun. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Tuan Surih Singh A/L Rapal Singh merupakan anggota DAP yang pernah menabur khidmat bakti selaku pembantu kepada Mendiang Dr Go David yang pernah menjadi Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Puchong pada tahun 1986 hingga 1990. Mempunyai kelayakan akademik dalam bidang perhubungan perusahaan industrial Malaysia. Beliau giat di dalam aktivisme kesatuan sekerja melalui transport Worker Ttravel (TWV). Di samping itu beliau turut berkecimpung dalam lapangan korporat melalui penglibatan beliau selaku pegawai perhubungan perusahaan di Resort World Bhd. 1990 sehingga 1992 dan Lion Group 1992 hingga 1995. Beliau pernah berkhidmat dengan MBH Managemant Berhad dengan jawatan terakhirnya selaku Pengurus Kanan sebelum menjadi Naib Presiden Sumber Manusia di Airlion Bhd pada tahun 2000 hingga 2001. Beliau kembali aktif di alam aktivisme politik melalui Parti Tindakan Demokratik (DAP) pada tahun 2008 khususnya dalam kegiatan kemasyarakatan sehinggalah beliau terpilih sebagai pengerusi DAP Cawangan Jalan Kenari Puchong sehingga kini. Dengan latar belakang kejayaan dengan latar belakang kerjaya, aktivisme beliau saya yakin dan percaya pelantikan beliau dapat memberi nilai tambah kepada suara Negeri Selangor di Dewan Negara. Seterusnya menyumbang sebagai Ahli Dewan Negara yang efisien dan efektif. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan ini saya mohon mencadangkan.

Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN : Tuan Speaker saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Untuk pemilihan Ahli Dewan Negara seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tuan Speaker, Tuan Speaker saya mohon mencadangkan bahawasanya dewan yang bersidang pada hari ini membuat ketetapan memilih Dr Yaakob bin Sapari sebagai Ahli Dewan Negara mewakili Kerajaan Negeri bagi tempoh selama 3 tahun. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Tuan Dr Haji Yaakob adalah nama yang tidak asing dalam landskap politik Negeri Selangor khususnya bagi Parti Keadilan Rakyat Negeri Selangor. Pernah berkhidmat selaku Dewan Negeri bagi kawasan Kota Anggerik pada tahun 2008 sehingga 2018. Beliau juga merupakan mantan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2008 hingga 2013 dengan latar belakang politik yang mantap dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Putera Malaysia serta Ijazah Dr Kehormat juga daripada UPM. Beliau mempunyai sumbangan yang sangat signifikan dalam tadbir urus Negeri Selangor termasuklah menganggotai beberapa Lembaga Pengarah Syarikat berkaitan Negeri Selangor antaranya Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS). Beliau yang kini merupakan Ketua Keadilan bagi cabang Shah Alam sejak tahun 2010 sehingga kini turut aktif di dalam gerak kerja masyarakat melalui badan bukan Kerajaan antaranya Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) selaku yang Dipertua bagi ABIM Daerah Serdang, Selangor dan Setapak Kuala Lumpur. Selain itu turut aktif menabur bakti selaku Presiden Persatuan Long Ball Selangor dan Persatuan Kanu Selangor. Dengan latar belakang yang telah dibacakan sebentar tadi, saya penuh yakin dan percaya bahawa beliau mempunyai kelayakan yang tepat bagi dinamakan selaku Ahli Dewan Negara bagi Negeri Selangor Darul Ehsan dan mampu menggalas serta melaksanakan amanah dengan penuh dinamik dan berwibawa.

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kedua-dua cadangan ini telah pun disokong, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dengan ini Dewan Negeri Selangor mengisytiharkan bahawa Suresh Singh a/l Karpal Singh dan Dr. Haji Yaakob bin Sapari Ahli Dewan Negara mewakili Kerajaan Negeri Selangor untuk tempoh selama untuk 3 tahun.

SETIAUSAHA DEWAN : Usul seterusnya Usul Nombor 19 Tahun 2018. Usul di bawah Peraturan Tetap 26 (1) oleh Yang Berhormat Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Tuan Speaker, saya berdiri di sini untuk membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut : Bahawa Dewan Yang Mulia Ini Menggesa Kerajaan Negeri Dan Kerajaan Persekutuan Memandang Serius Terhadap Kemalangan

Di Tempat Pekerjaan Dan Mengambil Tindakan Undang-Undang Selain Pencegahan Dan Pendidikan Terhadap Syarikat Dan Pesalah Yang Terlibat.

Tuan Speaker pada pukul 3.30 petang semalam rakyat digemparkan dengan satu kemalangan ngeri di City One Mall, Kuching apabila nyawa 3 orang pekerja telah hilang dan mati dalam satu kes letupan yang berlaku di tempat itu. Beberapa bulan yang lepas kita turut digemparkan dengan kematian 2 orang pekerja di sebuah kilang ais akibat kebocoran gas ammonia. Pada November 2016, kita digemparkan dengan kematian sepasang suami isteri yang disebabkan oleh kecuaiannya kontraktor di tapak pembinaan lebuh raya Pantai Barat di mana kereta yang mereka pandu dihempap tercucuk krane yang tumbang di sebuah tapak pembinaan di Meru. Dua bulan sebelum itu Chin Khoo Sing berusia 24 tahun mati apabila sebuah cangkuk besi jatuh ke atas keretanya di Jalan Raja Chulan. Pada Mei 2015, seorang pekerja warga Bangladesh maut dalam kemalangan di tapak pembinaan bawah tanah Tun Razak Exchange Projek MRT, pada Ogos 2014 tiga pekerja pembinaan lelaki warga Bangladesh mati di tapak MRT di Kota Damansara. Tuan Speaker, kemalangan di tapak pembinaan dan tempat pekerjaan semakin membimbangkan. Statistik daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ataupun JKPP menunjukkan bahawa seramai 1,622 orang terbunuh setiap tahun 1999. Untuk tahun 2011 hingga 2015 secara purata 99 kematian berlaku setahun berbanding dengan 27 kematian di Singapura, 26 kematian di Australia dan hanya 11 kematian di Hong Kong. Angka ini menyumbang 41% daripada jumlah keseluruhan angka kematian pekerjaan. Kematian pekerjaan tempatan yang tertinggi adalah berlaku di Negeri Selangor. Ini menunjukkan Tuan Speaker, kesedaran keselamatan pekerjaan yang rendah di kalangan kontraktor dan majikan. Contohnya ramai di kalangan mereka masih menggunakan pekerja asing yang tidak mahir dan tidak bertauliah untuk mengendalikan jentera berat di dalam tapak pembinaan untuk mengurangkan kos. Satu fenomena yang semakin membimbangkan kita ialah walaupun 80% angka kematian melibatkan pekerja-pekerja yang bekerja di kilang atau di syarikat kecil dan sederhana, kematian ngeri ini semakin berlaku di beberapa tapak pembinaan kebelakangan ini yang melibatkan kontraktor dan majikan yang ternama dan terkemuka seperti IJM, UCE, MMC dan Gamuda. Selain daripada itu kegagalan dalam penguatkuasaan juga merupakan faktor penyebab kematian yang tinggi di Malaysia. Mengikut buku *Malaysian Industry Relations and Employment Law* tulisan Maimunah Aminuddin pada tahun 2013, JKPP mempunyai kekosongan sebanyak 1,285 kekosongan pegawai penguatkuasaan keselamatan pekerjaan di seluruh Malaysia walaupun begitu pada tahun 2012 hanya 8% daripada kekosongan ini diisi. Di bawah Akta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1993 JKPP mempunyai kuasa untuk mengeluarkan *Improvement And Prohibition Notice* dengan izin terhadap majikan yang tidak mematuhi peraturan. Saya telah pun dimaklumkan bahawa kadar kematian pekerjaan di Malaysia pada tahun 2017 telah meningkat kepada 4.9 orang bagi setiap

1,000 pekerja. Ini adalah angka yang lebih tinggi berbanding dengan kematian 4.84 pada tahun 2016. Berdasarkan statistik Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan angka ini semakin menunjukkan trend yang menaik. Saya ingin membawa perhatian dewan dalam kes kematian mendiang Chin Khoon Sing yang berlaku dua tahun lepas di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyenarai hitamkan Beijing Urban Construction Group iaitu kontraktor yang menyebabkan kematian mendiang, di mana syarikat ini tidak dibenarkan untuk terlibat dalam mana-mana projek di Negeri berkenaan. Sememangnya Tuan Speaker, ini adalah dasar toleransi sifar perlu ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengelak kematian seperti ini daripada berulang dan memastikan trendnya tidak akan menjadi lebih teruk. Saya percaya Kerajaan Negeri dan PBT mempunyai peranan yang lebih besar yang perlu dimainkan, iaitu bukan sahaja terhadap majikan-majikan yang degil ini malahan langkah-langkah *intervention* dan pencegahan amatlah perlu untuk mengelakkan kemalangan ini dari terus berlaku. Dalam kes-kes yang melibatkan kemalangan ataupun maut dalam tempat pekerjaan, Kerajaan Negeri perlu bertindak tegas dan menarik balik kelulusan kebenaran merancang serta mengarah kontraktor-kontraktor atau majikan yang cuai daripada terus mengambil bahagian dalam mana-mana projek pembangunan di dalam negeri. Mereka juga tidak boleh mengambil bahagian di dalam projek pembangunan di peringkat Kerajaan Persekutuan ataupun projek-projek syarikat GLC baik negeri atau persekutuan sehingga langkah-langkah pembaikpulihan telah pun diambil dan implementasi sepenuhnya. Tuan Speaker, saya berbesar hati kerana Institut Pemberdayaan Pekerja yang bakal ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor akan memberikan penekanan kepada aspek keselamatan pekerjaan di mana kita harus beringat bahawa Revolusi Industri 4.0 ini sebenarnya berkait juga dengan perihal keselamatan pekerjaan. Revolusi Industri Ke-Empat ialah di mana komputer dan peranti pintar saling berhubungan. R.I 4.0 juga merupakan era *Internet of Things* di mana peranti fizikal mempunyai kehadiran digital di Internet dan dijangkakan berpuluh-puluh peranti ini bakal disambungkan ke Internet menjelang tahun 2020. Jika dilihat dari sudut positif teknologi berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerja sebenarnya membolehkan majikan melindungi pekerja dengan lebih berkesan dan membantu mereka mencapai daya saing yang lebih tinggi melalui pengurangan kos berkaitan pengurusan keselamatan sebagai contoh peralatan perlindungan peribadi ataupun PPE yang dilengkapi sensor atau teknologi pengenalan frekuensi radio ataupun IFRD boleh membantu mempercepatkan proses pengumpulan data yang lebih cepat dan tepat dan efisien. Teknologi tanpa wayar yang digabungkan dengan perisian komputer canggih dan peralatan terkini seperti dron dan alat pendirian jarak jauh seperti satelit juga membolehkan pengurus keselamatan memantau setiap pekerja dan mesin selain secara *real time* dan melapor melalui komputer riba ataupun telefon pintar. Mereka juga boleh menilai sama ada pekerja terbabit boleh menerima ataupun telah menerima latihan yang secukupnya tentang penggunaan peralatan keselamatan tertentu dan

mengetahui sama ada peralatan itu mematuhi peraturan, diselenggara dengan baik, sesuai digunakan dan sebagainya. Dengan teknologi yang terkini maka pengurus keselamatan di tapak pembinaan boleh mengakses maklumat penting di hujung jari di dalam tempoh beberapa saat. Namun perubahan dalam bidang pekerjaan turut menuntut penyesuaian dalam aspek latihan bagi memenuhi keperluan sektor baru. Ia bukan soal memberikan kemahiran sesuai dengan keperluan industri tetapi juga menyediakan pekerja yang mampu untuk memasuki tempat kerja dengan persekitaran yang berbeza. Sehubungan itu Kerajaan Negeri dan PBT perlu memainkan peranan untuk membantu mewujudkan suasana kerja yang selamat di era digital baru di mana kita mahu mencapai kemalangan sifar pada masa 2020. Di bawah Pelan Induk Keselamatan Pekerjaan 2016-2020 ini, Kementerian Sumber Manusia menetapkan sasaran mengurangkan kemalangan industri kepada 2.5 bagi setiap 1,000 pekerja dan kadar kematian kepada 4.36 orang untuk setiap 100,000 orang pekerja bagi menjelang tahun 2020. Bagaimanapun jika trend sekarang berterusan dengan sasaran yang ditetapkan ini pastinya tidak dapat dicapai. Maka saya menyarankan bukan saja Kerajaan mengambil tindakan malahan pihak kehakiman juga perlu menjatuhkan hukuman yang lebih berat supaya kes kemalangan ini tidak lagi dipandang remeh oleh pihak majikan. Ini termasuklah hukuman penjara terhadap pesalah sebagai mana apa yang telah diperuntukkan dalam Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan dan bukan hanya sekadar denda dalam bentuk wang ringgit sahaja. Dan saya menyarankan Kerajaan Negeri dan PBT mengambil langkah-langkah yang lebih drastik, portfolio yang menjaga PBT dan portfolio yang menjaga Pembangunan Sumber Manusia perlu berinteraksi dengan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan ucapan Usul ini dapat dilaksanakan pada masa yang terdekat supaya sekurang-kurangnya kita boleh mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan itu Banting ingin memohon mencadang. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Kota Damansara menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong, saya buka Usul ini untuk dibahaskan sekiranya ada. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan dewan ini ialah satu Usul yang berbunyi Bahawa Dewan Yang Mulia Ini Menggesa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan Memandang Serius Terhadap Kemalangan di Tempat Pekerjaan dan Mengambil Tindakan Undang-Undang Selain Pencegahan dan Pendidikan Terhadap Syarikat dan Pesalah Yang Terlibat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Usul ini DIPERSETUJUI.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Mesyuarat seterusnya Usul Untuk Menangguhkan Dewan.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahir Rohmanir Rohim.* Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Berhormat sekalian, persidangan kita telah pun tamat. Dengan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih khususnya kepada Speaker dan Timbalan Speaker Dewan Negeri, Ahli-Ahli Jawatankuasa dan Sekretariat Negeri, Ahli – Ahli EXCO Kerajaan Negeri, Ahli Ex Officio kita dan seluruh Ahli-Ahli Dewan Negeri yang telah melaksanakan tugas sepanjang sesi belanjawan kali ini. Dan sesungguhnya dalam sidang ini selain daripada Belanjawan yang kita bahaskan selama hampir 8 hari bermula daripada Jumaat yang lalu ataupun Jumaat 23hb November hinggalah hari ini 5hb Disember kita telah memperincikan banyak perkara dan butiran yang berkaitan dengan kaedah dan juga polisi-polisi pembangunan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri. Belanjawan Tahun 2019 mengambil langkah berani dengan mengetengahkan pandangan dan polisi jangka panjang di samping cuba untuk memastikan sedaya mungkin pelan fiskal kerajaan negeri berada dalam keadaan yang baik. Justeru kerajaan negeri menggagaskan beberapa gugusan-gugusan yang boleh dilaksanakan dengan penuh teliti oleh pentadbiran ini dan oleh seluruh jentera kerajaan negeri di samping berapa penajajaran sesuai dengan keadaan semasa dan kedudukan kerajaan negeri pada ketika ini. Sudah pasti ada pandangan-pandangan yang diterima termasuk beberapa kritikan yang diterima berkaitan dengan penajajaran IPR ataupun inisiatif peduli rakyat. *Insyah-Allah* kerajaan negeri bersama Unit Perancang Ekonomi akan segera memukta akhirkan serta memuktamadkan beberapa perkara-perkara terperinci dan juga perkara-perkara yang melibatkan perjalanan dan pelaksanaan penajajaran IPR untuk masa depan. *Insyah-Allah.* Konsep kita daripada pemberian kepada pemerikasaan ini akan menjadikan IPR bukan hanya dilihat sebagai gula-gula politik ataupun sekadar pemberian apatah lagi falsafah *cash is king* sebaliknya dasar IPR yang kita laksanakan akan sedaya upaya memperkasakan rakyat negeri Selangor dan sesuai dengan konsep maju bersama. Ia akan memastikan semua rakyat dan warga negeri tidak ada yang tertinggal dalam bekerja membawa arus pembangunan, menikmati arus pembangunan sesuai dengan keperluan dan sesuai dengan kehendak kelompok masing-masing. Selepas ini menjadi tanggungjawab pentadbiran ini untuk terus bekerja keras dan memastikan *delivery unit* kita atau unit penyampaian di pihak kerajaan negeri dapat disampaikan kepada rakyat dengan terbaik dan terus mencatatkan rekod negeri Selangor sebagai peneraju kecemerlangan dan kemapanan kita di negeri Selangor Darul Ehsan. Dalam Sidang Dewan ini juga saya ingin mengumumkan dan mengucapkan ribuan terima kasih, khusus kepada penasihat undang-undang negeri Selangor Dato' Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman yang secara rasminya pada hari Isnin yang lalu telah diarah bertukar ke Putrajaya dan dijadikan sebagai pegawai di sana dan digantikan oleh seorang pegawai dan *Legal Advisor* yang baru bernama Dato' Masni

bin Daud yang akan mula mengangkat sumpah dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang paling hampir selepas ini. Segala pengorbanan tugas, kesetiaan dan juga nasihat yang telah diberikan oleh Dato' Nik Suhaimi Nik Sulaiman patut diberikan penghargaan di atas tugas yang telah ditumpahkan kepada rakyat negeri Selangor dan kerajaan negeri Selangor selepas ini. Dalam Dewan kita pada hari ini juga kita telah meluluskan usul-usul resolusi-resolusi tertentu di mana resolusi-resolusi tersebut untuk memastikan apa yang dikatakan tata kelola dan pentadbiran yang baik dapat diteruskan terutamanya dalam menetapkan tabung kewangan pinjaman kerajaan negeri sebentar tadi kerana ia berkaitan sedikit sebanyak dengan pertukaran Akta Pinjaman 1971 yang telah digugurkan pada tahun 2015 dan kita telah menjadikan Dewan Negeri ini sebagai punca kuasa supaya segala tindakan dan urusan yang tertakluk di bawah tabung pinjaman tersebut mendapat perhatian dan aturan yang terbaik sebagaimana yang disarankan oleh Jabatan Audit Negara. Dan sebentar tadi kita juga telah memuktamadkan dua nama sebagai Ahli Dewan Negara yang pertama sedara Shuresh Sigh a/l Raspal Sign dan juga Dr. Yaakob bin Sapari sebagai Ahli Dewan Negara yang akan memulakan tugas sebaik Dewan Negara bersidang. Saya kira Dewan Negara sedang bersidang sekarang kerana dua wakil kita sebelum ini iaitu sedara Chandra Mohan dan Dr. Maknor Manuti akan tamat tugas mereka selaku Ahli Dewan Negara pada tanggal 6hb Disember iaitu pada esok hari. Justeru seribu penghargaan kepada kedua-dua Ahli Dewan Negara yang telah mewakili negeri Selangor sebelum ini dan membawa suara dan pandangan rakyat negeri Selangor termasuk kepentingan-kepentingan negeri Selangor di dalam perbincangan Dewan Negara dan diharapkan dua wakil yang kita lantik Dr. Yaakob Sapari dan sedara Suresh akan mengetengahkan dan meneruskan kecemerlangan wakil-wakil kita sebelum ini termasuk mempertahankan hak dan juga kepentingan rakyat di dalam negeri kita dan membawa perkara-perkara yang membawa kebaikan dan kemakmuran serta kesejahteraan di dalam negeri kita. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dengan itu saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah bertugas, kepada semua yang telah berkhidmat, kepada semua yang telah menyampaikan pandangan-pandangan di dalam sesi Dewan, kepada semua wartawan yang telah melaporkan sepanjang sesi ini berlangsung dan selepas ini marilah kita teruskan kecemerlangan negeri Selangor dengan konsep "Maju Bersama Dengan *No Man Left Behind*". Tidak ada siapapun yang akan ditinggalkan di negeri Selangor ini. Dengan ini saya mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Dewan kita pada kali ini telah bersidang dan telah melanjutkan masa selama 7jam. 7jam iaitu lebih daripada satu hari

lebih. Jadi saya mahu mengucapkan ribuan terima kasih syabas dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sebelum saya menangguhkan persidangan ini saya mengambil peluang dan kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan di atas kerjasama yang diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Ketiga Bajet Persidangan Penggal Pertama kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha Dan Penolong Setiausaha Dewan, Urus Setia, Pelapor-pelapor dan semua petugas-petugas yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung. Di atas komitmen dan kesungguhan semua dalam memastikan perjalanan mesyuarat berjalan lancar. Kepada semua Yang Berhormat sila semak draf penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke Pentadbiran Dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan agar penyata rasmi itu dapat disediakan dan dapat diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian. Dengan ini saya menangguhkan persidangan hari ini hingga ke suatu masa yang akan ditetapkan. Dewan ditangguhkan.

(Dewan Ditangguhkan Pada Jam 3.30 Petang)